

MEDIA WARGA KOTA Wilayah Ku

● BIL 199 ● 20 - 26 JANUARI 2023 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

Skim Mikro Kredit YWP Suntik modal menjelang Ramadan



MENJELANG sambutan Aidilfitri, pinjaman Skim Mikro Kredit Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dilihat dapat membantu peniaga menambahkan stok sekali gus menyuntik semangat untuk terus berjaya.

Nik Fauzan Azima, 33, berkata pinjaman berjumlah RM5,000 membantu memulihkan perniagaannya yang sebelum ini hampir ditutup ekoran COVID-19.

LAGI BERITA DI MUKA 2



AHLI Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (dua dari kanan) beramah mesra bersama penerima Skim Mikro Kredit YWP Rabu lalu.

Kepala singa
warisan lebih
36 tahun



►►12



Taman Persahabatan Malaysia-China
simbol hubungan baik dua negara

►►9,10 & 11

Mee Champa
curi perhatian ramai



►►14

Dinasour & gorila
tarikan Desaland
Labuan



►►21

Anwar tidak berhasrat bangunkan mercu tanda sepanjang tempoh PM



ANWAR ketika berucap pada Majlis Dialog Belanjawan 2023 'Membangun Malaysia Madani' di Kementerian Kewangan, Putrajaya pada Selasa.

AZLAN ZAMBRY

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengakui beliau tidak berhasrat untuk membina sebuah lagi bangunan mercu tanda khusus sepanjang tempoh pentadbirannya sebaliknya menumpukan kepada aspek kemampuan pembangunan sesebuah bandar.

Jelas Anwar, beliau berpendapat Kuala Lumpur sudah memiliki cukup banyak bangunan mercu tanda dan tumpuan sebaliknya memfokuskan kepada membantu golongan penjaja dan peniaga kecil-kecilan serta Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

"Saya menekankan perkara ini dan diharap nanti akan turut mendapat pandangan daripada rakan-rakan yang lain berkenaan

usaha kemampuan bandar.

"Saya kata dah cukup mercu tanda (PETRONAS) Twin Tower, Tun Razak Exchange (TRX) yang ada, saya tidak berhajat buat lagi mercu tanda."

"Zaman saya yang perlu kita fikir ialah menjana keupayaan kota, contoh daripada segi kebersihan, keindahan dan ruang kepada golongan penjaja dan warung yang cecah ratus ribu keseluruhan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Dialog Belanjawan 2023 'Membangun Malaysia Madani' di Kementerian Kewangan, Putrajaya pada Selasa.

Beliau yang juga Menteri Kewangan menzahirkan harapan agar syarikat besar dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC)

mengambil peranan terhadap pembangunan bandar yang mampu termasuk isu kebersihan gerai dan warung diusahakan peniaga atau penjaja.

"Saya berharap untuk mendirikan 30 hingga 40 gerai peniaga kecil yang bersih untuk memberi manfaat kepada warga miskin di ibu kota."

"Syarikat besar dan GLC perlu faham orientasi ini melalui CSR dan lain-lain bagi membantu isu ini. Namun, ada kelemahannya, gerai pasar Ramadan, ada ejen yang mengutip bayaran tidak munasabah."

"Sebab itu saya katakan rasuah itu melibatkan atasan ratus juta, yang bawah puluh ribu. Jadi bagaimana nak tangannya. Ia satu cabaran besar," katanya. **WK**

Bantu peniaga pelbagaikan produk

DARI MUKA HADAPAN

"KETIKA itu saya terpaksa melelong stok pakaian untuk menampung kehidupan memandangkan semua orang tidak dibenarkan keluar."

"Melalui pinjaman ini, ia melegakan kerana dapat menambah stok pakaian yang akan dijual bagi menghadapi musim perayaan Aidilfitri nanti," katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Bercerita lanjut, Nik Fauzan berkata perniagaan pakaian wanita yang diusahakan kini memerlukan modal yang agak besar memandangkan ia memerlukan pelbagai jenis, warna dan saiz untuk menarik perhatian pelanggan.

"Melalui bantuan pinjaman modal ini, saya berharap ia dapat memenuhi keperluan pelanggan serta



NIK FAUZAN

menampung perbelanjaan memandangkan perniagaan ketika ini agak perlakan," katanya yang bernaiga di Kedai GiatMara Pusat Komuniti, Bandar Tun Razak.

Beliau antara sembilan peniaga dan penjaja yang menerima pinjaman modal perniagaan maksimum RM5,000 yang disampaikan oleh Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun serta Setiausaha Politik Perdana Menteri, Azman Bidin.

Dalam majlis itu, seramai 27 penuntut yang melanjutkan pengajian ke Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/S) secara sepenuh masa turut menerima Skim Bantuan Awal IPT dengan pemberian bantuan kewangan secara

one-off (sekali bayar) serta Bantuan Khas YWP berupa wang tunai RM500 kepada seorang penerima, Mariah Shaari yang menanggung seorang anak saudaranya yang merupakan Orang Kurang Upaya pembelajaran.

Bantuan sebanyak RM1,000 diberi untuk pelajar peringkat sarjana muda dalam negara, RM2,000 bagi sarjana muda luar negara dan RM500 bagi diploma dalam negara.

Sementara itu, Zaizalnizam berkata YWP berperanan membantu menaik taraf kehidupan warga Wilayah Persekutuan berpendapatan rendah dan memerlukan, sejak ditubuhkan 37 tahun lepas berdasarkan kluster pendidikan, ekonomi, sosial, agama dan teknologi.

"YWP sudah membantu lebih 400,000 pelajar golongan B40 dan turut membantu 1,140 penerima manfaat pelbagai kategori melibatkan lebih RM310,000 sepanjang 2022," katanya. **WK**



WAN Azizah (dua dari kanan) beramah mesra dengan wakil pelajar yang mendapat sumbangan Skim Bantuan Awal IPT.

400,000 pelajar dibantu YWP sejak ditubuhkan

YAYASAN

Wilayah Persekutuan (YWP) yang telah beroperasi sejak 37 tahun lalu telah membantu kira-kira 400,000 pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah (B40).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata bantuan yang disalurkan itu adalah untuk membantu menaik taraf kehidupan warga Wilayah Persekutuan yang berpendapatan rendah dan memerlukan berdasarkan kluster pendidikan, ekonomi, sosial, agama dan teknologi.

"Bantuan pendidikan yang diberikan termasuk Skim Bantuan Pemakanan Sekolah Menengah, Skim Bantuan Khas Persekolahan dan Skim Bantuan Awal Institut Pengajian Tinggi (IPT)."

"Sepanjang 2022, YWP telah meluluskan permohonan bantuan kepada 450 pelajar di seluruh Wilayah Persekutuan dan seramai 76 pelajar adalah dari kawasan Parlimen Bandar Tun Razak."

"Selain itu YWP juga membantu 1,140 penerima manfaat pelbagai kategori melibatkan lebih RM310,000 sepanjang 2022," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Program Penyampaian Cek Skim Bantuan Awal, Penyerahan Surat Tawaran Skim Mikro Kredit dan Bantuan Khas YWP oleh isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail di

Pejabat Ahli Parlimen Bandar Tun Razak pada Rabu.

Pada majlis tersebut, Wan Azizah yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak turut menyampaikan bantuan kepada 27 penerima Skim Bantuan Awal IPT terdiri daripada 20 pelajar peringkat ijazah sarjana muda serta tujuh pelajar peringkat diploma.

Dalam pada itu, Zaizalnizam berkata sepanjang penubuhan YWP, ia tidak pernah menerima sebarang dana pentadbiran daripada pihak kerajaan, sebaliknya melalui hasil perniagaan beberapa anak syarikatnya serta sumbangan korporat.

"Kira-kira 80 peratus dana yang dikumpul dan diterima sudah ditetapkan sebagai agihan wajib kepada golongan yang memerlukan untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka manakala baki 20 peratus adalah untuk perbelanjaan pengurusan," katanya.

Sementara itu Wan Azizah menyerau penerima sumbangan serta orang ramai agar menyokong usaha YWP dalam memberikan bantuan kepada golongan memerlukan di Wilayah Persekutuan meskipun tiada sebarang dana kerajaan disalurkan.

"Kita mendoakan YWP agar terus dapat menjalankan operasinya melalui perniagaan yang memberikan keuntungan agar kita sama-sama mendapat manfaat dan berbakti untuk warga Wilayah Persekutuan," katanya. **WK**

BMT Fasa 2 bantu peserta tiga lokaliti dapatkan lot, tapak niaga

HAZIRAH HALIM

RATA-RATA peserta Program Pembasmian Kemiskinan Tegar (BMT) yang terdiri dalam kalangan Ketua Isi Rumah (KIR) Miskin Tegar di Parlimen Batu menyuarakan keinginan untuk mendapatkan lot atau tapak berniaga dalam usaha meningkatkan ekonomi keluarga.

Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan dan Sosioekonomi, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), **Datuk Parang Abai @ Thomas** berkata mereka mendengar penjelasan yang diberikan sepanjang program tersebut.

"Namun berdasarkan pemakluman Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), kini pihaknya mempunyai kekangan dari segi kawasan dan juga ruang untuk perniaga menjalankan perniagaan."

"Walau bagaimanapun pihak kami bersama DBKL akan mengenal pasti mana-mana tapak niaga yang kosong dan sesuai



PARANG ABAI @ THOMAS

untuk diberi keutamaan kepada peserta BMT yang sudah ada perniagaan dan bukannya baru hendak mula meniaga.

"Ini kerana kebanyakannya peserta yang dikenal pasti sudah mempunyai produk mereka tersendiri misalnya peserta di Desa Rejang yang sebelum ini menjalankan perniagaan secara atas talian.

"Apabila mengikuti Program BMT, mereka berkeinginan untuk mengembangkan lagi perniagaan dengan berniaga di lot kedai yang lebih selesa dan besar memandangkan lot kedai di Projek Perumahan Rakyat (PPR) agak kecil," ujar beliau.

Tambah beliau, buat masa ini, lokasi tapak niaga di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur agak terhad dan tiada tapak niaga baharu diwujudkan.

"Diharapkan peserta akan memberi kerjasama sebaiknya semasa sesi pemprofilan agar dapat meningkatkan kemahiran melalui latihan kursus berkaitan

tertarik



SEBAHAGIAN peserta KIR Miskin Tegar Parlimen Batu yang hadir mendengar taklimat BMT baru-baru ini.

pengeluaran produk dan pemasaran serta perkongsian yang disediakan oleh pihak Universiti Malaya (UM)," ujar beliau.

Terdahulu, BMT di bawah inisiatif JWP dengan kerjasama

UM selaku rakan strategik diteruskan ke peringkat Fasa 2 melibatkan tiga lokaliti di Wilayah Persekutuan iaitu Parlimen Bandar Tun Razak, Batu dan Titiwangsa.

Kira-kira 40 peserta hadir

daripada 169 peserta terpilih dalam kalangan KIR Miskin Tegar di Parlimen Batu, pada 12 Januari lalu bertempat di Pusat Komuniti Sentul Perdana, Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur. **WK**

UM fokus peringkat pemprofilan, peserta BMT perlu lebih serius

"PESERTA Program Pembasmian Kemiskinan Tegar (BMT) Fasa 2 harus mempunyai minat, semangat serta komitmen sepenuhnya agar penguasaan kemahiran serta pengetahuan berkenaan perniagaan dapat ditingkatkan," ujar Pemangku Pengarah Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya (UM), **Profesor Dr Rohani Jani**.

Beliau berkata demikian sejurus program inisiatif Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dengan kerjasama UM yang berlangsung di Pusat Komuniti Sentul Perdana, Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Tambah beliau, fokus utama pihak UM ketika ini adalah di peringkat pemprofilan yang mana mereka akan menyelidik secara terperinci perniagaan yang ingin dijalankan oleh peserta



DR ROHANI

sebelum memberi latihan selanjutnya.

"Alhamdulillah, Fasa 1 menyaksikan kira-kira 40 peserta telah mula meniaga meskipun masih dalam tempoh kursus. Pendekatan yang kami lakukan adalah memberi kursus motivasi, pendedahan tentang keusahawanan dan kemahiran antaranya membuat kek, jahitan dan sebagainya.

"Antara yang berjaya dan masih aktif adalah kursus membuat kek dan roti yang mana peserta perlu mengikuti kelas pada setiap hari Sabtu di UM dan akan mempelajari lapan modul yang dipecahkan kepada empat kumpulan dengan bantuan cef-cef bertauliah,"

ujar beliau peserta perlu mengikuti kesemua kelas tersebut.

Kata beliau, bagi meningkatkan lagi semangat peserta yang menyertai BMT Fasa 2, pihaknya akan memanggil peserta dari Fasa 1 untuk berkongsi pengalaman bagaimana perasaan mereka setelah berjaya menjalankan perniagaan dengan cara yang betul.

Terdahulu, BMT Fasa 2 adalah lanjutan daripada Program BMT Fasa 1 dan merupakan inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dengan memberi tumpuan kepada pembasmian miskin tegar dalam kalangan Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) miskin tegar di seluruh negara menjelang tahun 2025. **WK**



PESERTA mengalirkan air mata atas keprihatinan JWP.

Pendaftaran Pengendali Bagi Program Bas Sekolah Percuma MySchoolBus Bagi Tahun 2023/2024

Dimaklumkan bahawa Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar DBKL membuka pendaftaran kepada pengendali di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang ingin menyertai Program Bas Sekolah Percuma MySchoolBus Tahun 2023/2024 di Perumahan Awam (PA), Projek Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan Swasta Kos Rendah dan Kuarters DBKL.

Sehubungan dengan itu, pengendali bas sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berminat untuk menyertai program ini adalah dijemput untuk mengisi borang pendaftaran di dalam Google Form selewat-lewatnya pada 23 Januari 2023 (Isnin) seperti berikut:-



SCAN ME

ATAU

<https://forms.gle/CVA3S1chCCLurqvX8>

Sebarang pertanyaan sila e-mel kepada :
myschoolbus.wilayah@gmail.com

Beri peluang pelajar dekati masyarakat

17 pelajar OKU, guru dan ibu bapa dirai

HAZIRAH HALIM

PELAJAR Orang Kurang Upaya (OKU) perlu didedahkan kepada aktiviti luar bilik darjah agar mereka selesa dengan keadaan sekeliling di samping dapat memahami cara berinteraksi bersama masyarakat.

Prihatin dengan perkara tersebut, Restoran Peranakan Place cawangan Pusat



WAHAB

Beli-Beli Setapak Central, Kuala Lumpur berbesar hati menaja makan tengah hari 17 pelajar kelas Kurang Upaya Pelbagai (KUP), Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas Setapak (SMKPKS) termasuk para guru dan ibu bapa.

Menurut Ketua Cef Peranakan Place, **Wahab Yusman**, objektif utama mereka bukan sahaja untuk menaja makan tetapi turut memberi peluang kepada komuniti untuk mendekati dan menggembirakan anak-anak pendidikan khas.

"Peranakan Place bukan sahaja dapat meraikan mereka dengan hidangan itu malah turut mempuh diri untuk lebih prihatin dan menyemai rasa kasih terhadap nasib



Para pelajar, guru, ibu bapa serta wakil Restoran Peranakan Place bergambar sejurus sesi makan tengah hari.

yang menimpa anak-anak syurga tanpa mengira bangsa dan agama.

"Pada hari ini kami sajikan menu utama tarikan pelanggan iaitu Nasi Pandan Ayam Berempah dan Cendol Gula Melaka yang sesuai dengan waktu makan tengah hari untuk memberi kepuasan kepada mereka," ujarnya yang mewakili pihak Peranakan Place.

Sementara itu, Pengetua SMKPKS, Zaidah Mahadi menzahirkan ucapan terima kasih dan

bersyukur di atas jasa baik pihak Peranakan Place menaja makan tengah hari selain layanan baik buat para pelajar.

"Sejak tahun 2019, pihak sekolah sudah bekerjasama dengan mana-mana pihak kerajaan mahupun swasta dan komuniti untuk melaksanakan pelbagai program buat pelajar kelas KUP SMKPKS.

"Alhamdulillah, kami amat gembira kerana mendapat jemputan untuk merasai hidangan popular

yang terdapat di sini," ujarnya yang berharap lebih ramai pihak prihatin dengan nasib pelajar OKU.

"Aktiviti hari ini juga secara tidak langsung memberi pencerahan kepada ibu bapa dan guru untuk mendedahkan pelajar kepada aktiviti luar selain mengajar mereka untuk lebih bijak menyesuaikan diri apabila berada di luar. Ini kerana mereka terdiri daripada pelajar OKU penglihatan, autisme, masalah fizikal dan epilepsi," ujarnya. **WK**

Labuan kibar bendera di dasar laut sempena Hari Wilayah Persekutuan



PERBADANAN Labuan (PL) meraikan Hari Wilayah Persekutuan ke-39 dengan penuh bergaya.

Menjelang sambutan yang jatuh pada 1 Februari, PL berjaya mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan di dasar laut Pulau Rusukan Kecil baru-baru ini dengan disertai 15 penyelam daripada Jabatan Perikanan Labuan.

Ketua Pegawai Eksekutif PL,

Rithuan Ismail berkata idea di sebalik inisiatif itu adalah untuk menyemarakkan semangat patriotisme dalam hati setiap penduduk di pulau ini dan sebagai memperingati kejayaan Labuan menjadi sebahagian daripada Wilayah Persekutuan.

Beliau berkata kempen mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan itu merupakan sebahagian daripada Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun

ini, dilancarkan pada 15 Januari lepas.

"Kempen itu menggalakkan rakyat mengibarkan bendera yang mempunyai tiga warna ini di rumah mereka dan premis perniagaan. PL juga memasang dan mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan di sepanjang jalan utama dan pusat bandar di sini," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Labuan,

Faizal Ibrahim Suhaili berkata bendera Wilayah Persekutuan yang mempunyai tiga jalur melintang berwarna kuning, biru dan merah serta Jata Negara di tengah-tengahnya, dikibarkan di dasar laut sedalam lima meter pada acara selama 30 minit itu.

"Kami berjaya mengibarkannya dan bendera itu akan berada di dasar laut selama mungkin," katanya. - **BERNAMA**

CERITA KEDAI KOPI

Nadiputra kenakan bayaran

MUNGKIN ada dalam kalangan warga Putrajaya khususnya belum menyedari perkhidmatan bas Nadiputra yang memberi khidmat di pusat pentadbiran negara itu bukan lagi percuma mulai 1 Januari 2023 lalu.

Perbadanan Putrajaya (PPj) memaklumkan mulai tarikh tersebut, penumpang dikenakan bayaran RM1. Ini susulan pengurusan Nadiputra diambil alih oleh Rapid Bus Sdn Bhd daripada Pengangkutan Awam Putrajaya Travel & Tours.

Kawan-kawan Kedai Kopi rasa perkembangan ini memberi sedikit kejutan kepada pengguna warga Malaysia yang selama ini menggunakan khidmat Nadiputra secara percuma. Hanya warga asing dikenakan bayaran RM1.50.

Tetapi biasalah, perubahan pengurusan biasanya akan juga menyaksikan operasi syarikat

turut berubah. Syarikat baru mungkin perlu memperoleh dana bagi membolehkannya memberi perkhidmatan terbaik untuk pengguna.

Kaedah pembayaran pula hanya menggunakan kad Touch 'n Go diterima dengan baki sekurang-kurangnya RM3. Bagaimanapun warga emas, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan pelajar boleh memohon kad konsesi MyRapid yang memperuntuk potongan bayaran sehingga 50 peratus.

Menurut yang kawan-kawan Kedai Kopi faham, laluan Nadiputra akan ditambah kepada tujuh berbanding hanya enam sebelum ini. Perkhidmatan pandu lalu juga pada hari biasa, tidak termasuk hujung minggu dan cuti umum. Frekuensinya pula di antara satu jam hingga satu setengah jam.

Dengan perubahan pengurusan ini kaedah perkhidmatan ditambah baik, khususnya hari-hari operasi serta frekuensinya. Difahamkan kini Nadiputra bakal beroperasi juga pada hari minggu dan cuti umum.

Selain itu, frekuensinya lebih kerap iaitu setiap 30 minit pada waktu puncak dan 40 minit di luar waktu puncak pada hari biasa. Pada hujung minggu, frekuensinya dalam lingkungan

45 minit. Perkhidmatan dari pulak 6.30 pagi hingga 8 malam pada hari biasa, sementara pada hujung minggu dan cuti umum dari pulak 7 pagi hingga 8 malam.

Diharapkan dengan perkhidmatan berbayar,

Nadiputra mampu memberi khidmat terbaik untuk pengguna. Rasanya pengguna tidak terlalu terbebani dengan bayaran RM1. Tetapi pastinya mereka mengharap perkhidmatan terbaik dan lancar.



SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zamby
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
Khairulwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer6@gmail.com
Sabrina Sabre
sabrinawilayahku@gmail.com
Hazirah Halim
hazirahwilayahku@gmail.com
Diana Amir
dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Fauzi Taib
adhamfauzi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwktv@gmail.com
Muhammad Syuqqree Mohd Dain
syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm866@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi
roslee@yayasanwp.org.my



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Kempen Kibar **BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN**



Putrajaya



Kuala Lumpur



Labuan

Kelas sosial dan sikap



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

APAKAH tanggapan pertama kita apabila berada dalam kawasan flat di sekitar Kuala Lumpur? Sekiranya tanpa pengalaman peribadi sebelumnya, kawasan berkenaan tentu tidak ada sesuatu yang tidak kena. Malah wajah banyak flat sudah jauh berubah berbanding era 1980-an dulu.

Kelihatan lebih moden sekalipun untuk golongan B40 dan kelompok yang lebih rendah kelas sosialnya. Tentu sekali sangat berbeza dengan rumah settingan yang menjadi identiti Kuala Lumpur pada dekad 1980-an dan sebelumnya. Flat merupakan kawasan petempatan yang terancang dan moden.

Sekarang ini sudah banyak tidak menggunakan istilah flat. Diganti dengan nama Rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dan juga banyak flat kos rendah oleh swasta. Kecuali PPR dan PPRT, ada flat kos rendah swasta tidak diuruskan dengan sempurna.

Antara flat yang terawal di Kuala Lumpur adalah Razak Mansion di Jalan Sungai Besi, di Jalan San Peng dan flat di Jalan Perkeliling yang tidak jauh dengan Bulatan Jalan Pahang. Kedua-dua flat terawal ini, Razak Mansion dan flat Jalan Perkeliling telah dirobohkan untuk projek pembangunan yang lain.

Saya dan tiga rakan wartawan pernah menyewa satu unit flat di Taman Cheras, Kuala Lumpur tahun 1984. Ketika itu gaji saya dan kawan-kawan lain sekitar RM350 sebulan. Sewa flat ialah RM200 sebulan pada relatifnya mahal ketika itu. Kalau tidak berkongsi dengan rakan-rakan, sewa flat lebih dari separuh gaji.

Enam tahun sebelum itu saya menghuni rumah settingan di Kampung Kerinch. Tapak rumah settingan yang saya tumpangi dulu itu kini menjadi Bangsar South yang moden dan mewah. Rasanya tidak ada pemilik rumah settingan dulu menetap di Bangsar South.

Bagaimanapun persoalan yang dibangkitkan mengenai flat bukanlah keadaan fizikalnya sebagai perumahan untuk golongan kelas sosial rendah. Sebahagian besarnya golongan B40 dan mereka yang di bawah garis kemiskinan – bukan sahaja miskin bandar akan tetapi



GOLONGAN kelas rendah lebih terbuka pada pelakuan-pelakuan yang kurang sivik, kurang bertamadun dan sangat individualistik.

kemiskinan yang sebenarnya.

Penulisan ini menjurus pada persekitaran kelas sosial yang rendah banyak mempengaruhi sikap sebahagian dalam kalangan warga kediaman murah ini. Sikap yang ditunjukkan agak signifikan dengan garis sosial penghuni flat – individualistik dan rendah sivik.

Hal ini sebenarnya memberikan tekanan kepada mereka yang belum bersedia berada dalam persekitaran sosial sedemikian. Masing-masing bergelut untuk meneruskan hidup yang sangat mencabar terutama golongan kelas sosial yang bawah. Tidak ada banyak masa untuk membina sosialisasi dalam hidup bermasyarakat.

Sebenarnya saya adalah antara orang yang tidak mudah percaya bahawa kelas sosial mempengaruhi sikap dalam kalangan anggota masyarakat. Tidak mudah menganggap golongan yang menghuni flat kos rendah di Kuala Lumpur senama dengan kerendahan sivik.

Bagaimanapun daripada pengalaman peribadi yang dilalui membuktikan akan hubungan antara kelas sosial dan sikap. Misalnya sikap sesetengah golongan kelas rendah ini tidak sama dengan kelas pertengahan atau elit.

Golongan kelas rendah lebih terbuka pada pelakuan-pelakuan yang kurang sivik, kurang bertamadun dan sangat individualistik. Hal ini tidak banyak berlaku di kawasan petempatan golongan kelas menengah atau elit.

“Saya membantah apabila ada pihak cuba melabelkan sikap tidak bertamadun selari dengan kelas sosial yang melingkari seseorang individu.”

Hal ini sebenarnya memberi kesan yang lebih besar pada generasi muda yang membesar dalam persekitaran berkenaan.

Hal yang demikian memberikan sudut tanggapan yang tidak baik kepada golongan dalam kelas sosial yang rendah. Malah dengan pantas dikatakan kelas sosial sebagai tanda aras sivik. Memang diauk tidak semua seperti yang dikatakan di atas, akan tetapi hal ini menjadi satu identiti.

Antara pengalaman peribadi tentang sikap rendah sivik dan tingginya individualistik adalah apabila melihat tempat letak kereta di sekeliling flat ditandai dengan baldi, batu-bata, kerusi patah dan sebagainya. Ini sebagai tanda lot letak kereta berkenaan sudah dipunyai. Ini berlaku pada lot parking bertentang dengan unit rumah tingkat bawah.

Seolah-olah penghuni di tingkat paling bawah mendapat lot letak kereta di depan rumah. Banyak cantik. Memang cantiklah, keluar rumah sampai ke kereta. Tidak seperti penghuni lain yang terpaksa ‘merayau’ untuk mencari lot yang kosong.

Saya pernah bertanya seorang dua tiga penghuni di flat berkenaan mengenai perkara tersebut. Mereka agak keberatan kerana bimbang mencetuskan ketegangan dalam kalangan penghuni. Mereka terpaksa menganggap itu sudah menjadi perkara biasa.

Menegur akan perbuatan itu dan mengalah baldi atau kerusi buruk itu untuk meletak kereta adalah bom jangka. Pasti meletuskan sesuatu yang tidak diingini. Mungkin akan berlaku perbalahan dan pergaduhan. Dalam persekitaran sosial seperti itu, sivik dan rukun hidup terbang entah di mana.

Maka jangan tersalah meletak kereta dalam kawasan flat, kalau bernasib baik hanya tayar sahaja yang kempis. Kalau tidak kereta menjadi calar-balar. Keadaan yang sedemikian menjadikan orang di luar lingkaran sosial ini fobia hendak masuki kawasan berkenaan.

Sebenarnya ini adalah masalah yang di semua kawasan yang dihuni oleh kelompok kelas rendah dan marginal. Di banyak kawasan marginal di bandar raya dunia berdepan dengan krisis sosial seperti ini. Akan tetapi kita tidak boleh lepas tangan, sebaliknya berusaha membentulkan penyimpangan sosial yang berlaku.

Tulisan ini tidak bertujuan memberikan imej yang tidak baik kepada penghuni flat kos rendah di Kuala Lumpur. Banyak juga yang mempunyai kesedaran sivik dan bertamadun dalam kehiduan sosial

yang sedemikian. Kita juga faham akan tekanan mereka berdepan dengan keadaan yang menyeksakan itu.

Saya sebenarnya selalu mempertahankan bahawa kelas sosial tidak ada kena-mengena dengan sikap ahli-ahli masyarakat – sama ada buruk atau baik. Akan tetapi yang terzahir itu berpuncak daripada diri individu itu sendiri.

Saya membantah apabila ada pihak cuba melabelkan sikap tidak bertamadun selari dengan kelas sosial yang melingkari seseorang individu. Walaupun begitu daripada pengalaman yang dilalui, saya terpaksa bersetuju bahawa wujud hubungan akrab antara kelas sosial dan sikap kelompok masyarakat.

Maka kita masing-masing perlu berubah pada yang lebih baik. Biarlah ada tanggapan kelas rendah senama dengan sikap rendah dan buruk. Hal ini boleh berubah kalau kita memulakan dengan penuh kesedaran. Biarlah yang rendah itu hanya kelas sosial kita, akan tetapi mendokong nilai hidup yang tinggi.

Jangan berasa malu menjadi penghuni flat, akan tetapi malulah untuk melakukan sesuatu yang menunjukkan kerendahan susila dalam hidup bermasyarakat. Tunjuklah keperibadian yang tinggi dalam apa keadaan sekalipun.



MANISNYA KOTA

Di kota manis ini semut-semut bagi menghidu bahagianya memungut gula satu persatu hadir warganya bagi arlogi waktu yang tak pernah tidur bergerak meninbumkan laba.

Di kota subur ini mereka menaburkan benih-benih harapan di sana sini tumbuh nilai dan harga lalu dituai segala bahagia disimpan bersama senja.

Di kota teduh ini adalah rimba batu yang dingin tempat untuk menggubah makna menantikan segala rahsia mengalir ke kamar peribadi di luar sebuah mimpi.

**M Syazwi
Langkawi**

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

Wilayah Ku

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Warga asing masih bebas berniaga di Kuala Lumpur?

Di sebalik usaha bersungguh-sungguh pihak berkuasa mengekang kebanjiran warga asing, terutama membanteras mereka yang masuk ke negara ini tanpa permit sah, terdapat ramai dalam kalangan mereka ini dikatakan berkeliaran di merata pelosok Kuala Lumpur.

Mereka dilapor membentuk koloni dan tinggal berlonggok dalam komuniti sendiri di kawasan tertentu menjadikan kawasan tersebut bagi ‘perkampungan’. Malah dikatakan juga mereka menjalankan aktiviti ekonomi sendiri untuk memenuhi keperluan kelompok mereka.

Isu ini ditimbulkan oleh warga kota dan diluahkan melalui media, untuk menzahirkan rasa tidak senang apabila beberapa kawasan tertentu dimonopoli oleh warga asing sehingga menenggelamkan warga tempat di sekeliling.

Ini juga sebagai maklum balas atau *feedback* kepada pihak berkuasa bahawa di sebalik tindakan penguatkuasaan yang dijalankan selama ini, masih ada ruang yang perlu diperbaiki dan diambil tindakan.

Adi difahamkan warga kota kesal kerana warga asing ini didapati aktif berniaga sehingga menjelaskan peniaga warga tempatan, sedangkan menurut peraturan undang-undang warga asing tidak dibenarkan berniaga. Jika menjadi pekerja kepada peniaga tempatan pun memerlukan permit.

Memang diakui selama ini pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa berusaha keras membanteras kegiatan warga asing berniaga. Pelbagai jenis tindakan diambil agar mereka tidak terlibat lagi dengan perniagaan.

Selama ini lokasi yang menjadi tumpuan utama DBKL membersihkan anasir ini ialah di Pasar Borong Kuala Lumpur. Berkat usaha dijalankan, kegiatan mereka yang kebanyakannya warga Bangladesh dan Myanmar dapat dikekang.

Namun itu pun memerlukan pemantauan berkala dan tindakan berterusan kerana kelompok ini degil dan tidak mudah putus asa. Setelah diambil tindakan, mereka akan diam sejejak. Apabila suasana sudah sejuk dan menganggap pihak berkuasa sudah lupa, mereka akan membuat kemunculan semula.

Apa pun, usaha DBKL memang wajar dipuji kerana usaha mengekang peniaga warga asing ini memang mencabar dan memerlukan komitment tinggi. Masakan tidak kerana perlu menghadapi puak yang tidak menghormati undang-undang

“Barangkali warga asing sedar tumpuan DBKL adalah kepada pasar borong. Kerana itu mereka merasakan selamat beroperasi di tempat lain yang tidak diberi tumpuan.”

tempatan dan kerap melakukan secara berulang.

Namun berdasarkan maklum balas warga kota, sementara DBKL memberi tumpuan di kawasan pasar borong, peniaga asing ini didapati aktif berniaga di beberapa kawasan lain di ibu kota.

Barangkali warga asing sedar tumpuan DBKL adalah kepada pasar borong. Kerana itu mereka merasakan selamat beroperasi di tempat lain yang tidak diberi tumpuan. Atau mungkin juga ada di antara peniaga di pasar borong itu yang mengubah lokasi operasi setelah menyedari kawalan ketat di lokasi tersebut.

Memekti luahan warga kota, warga asing berniaga secara terang-terangan di sana sini bagi tiada kawalan. Mereka bertanya apa sudah terjadi dengan Kuala Lumpur? Kenapa tiada tindakan terhadap kelompok ini?

Operasi penguatkuasaan yang bertumpu di Pasar Borong Selayang wajar dipuji dan memberi kesan baik. Bagaimana pun warga kota berpendapat, dalam proses ini DBKL tidak harus mengabaikan kawasan lain.

Contohnya warga asing didapati giat berniaga di Jalan Silang, Chinatown, Pudu dan Bukit Bintang. Kawasan ini bagai sudah bertukar menjadi koloni



DBKL membuat pemantauan berterusan terhadap peniaga tanpa lesen yang kebanyakannya adalah warga asing.

Bangladesh dan Myanmar. Warga Indonesia dan Pakistan pula memonopoli sekitar Chow Kit.

Bagi Adi, tentu isu ini membimbangkan warga kota sehingga meluakkannya di dalam media. Adi juga percaya mereka bukan bermaksud memperkecil peranan DBKL tetapi sebaliknya untuk menyuarakan maklumat kerana mungkin DBKL terlepas pandang.

Pada masa sama, harapan warga kota ialah isu yang didebak diambil tindakan segera dan segala masalah berhubung kait peniaga warga asing ini diatasi. Jangan sampai perkara ini merebak sehingga menjadikan sebarang bentuk tindakan lebih sukar.

Yang menyentuh hati Adi ialah dakwaan bahawa peniaga tempatan, terutama orang Melayu di ibu kota, berniaga di tepi-tepi jalan. Sebaliknya warga asing seperti Bangladesh dan Pakistan kelihatan lebih hebat dengan mampu membuka kedai sendiri. Tidak berhenti setakat itu,

peniaga ini juga dikatakan mampu menyewa lot-lot kedai dalam kompleks membeli-belah termasuk kompleks popular seperti Plaza Low Yat dan Pusat Borong Kenanga. Malah dikatakan ada di antara mereka memiliki cawangan pangsapura di beberapa lokasi.

Adi rasa wajar rungutan dan luahan warga kota ini diambil serius oleh DBKL dan berusaha turun padang melihat sendiri sejauh mana penggunaan warga asing ini. Benarkah nampak lebih hebat dan maju berbanding warga tempatan yang nampak ketinggalan?

Dikatakan lokasi di mana ramai peniaga asing ini juga menjadi tumpuan rakyat senegara masing-masing pada hari minggu atau pada cuti umum. Sepertinya sudah terbentuk mini Bangladesh, mini Pakistan, Myanmar, Indonesia dan sebagainya. Jika dibiarkan berterusan, lokasi boleh berubah wajah sehingga identiti Malaysia hilang.

Dalam hubungan ini, pada pandangan Adi, jabatan tertentu seperti Jabatan Imigresen dan polis wajar memberi kerjasama erat. Jabatan berkenaan perlu menyiasat bagaimana warga asing boleh memiliki perniagaan sedangkan mereka pada permulaan masuk sebagai buruh atau perkerja sektor tertentu.

Kita tentu tidak mahu isu ini dibiarkan menjadi barah. Adi percaya ramai tidak mahu warga asing menguasai ekonomi negara sehingga warga tempatan pula meminta kerja daripada mereka. Ini tidak boleh dibenarkan.

Keadaan ini juga boleh memberi tanggapan pertama atau *first impression* yang salah kepada pelancong luar terutama yang pertama kali datang ke negara ini, seolah-olah sektor perniagaan banyak didominasi warga asing. Tentu ini memberi gambaran tidak baik kepada negara dan rakyat keseluruhannya.

Namun Adi ingin menyentuh

juga mengenai sikap peniaga tempatan yang secara tidak langsung menyokong pertumbuhan peniaga warga asing ini. Ada yang mengambil jalan pintas mendapat untung dengan menyewakan lesen kepada peniaga asing.

Mudah bukan, tidak perlu bersusah payah di gerai atau kedai, kutip sahaja setiap bulan. Walhal peniaga asing yang beroperasi dari kedai mereka mampu mengaut keuntungan lebih banyak. Sikap merugikan ini wajar dibendung.

Mereka ini juga pandai mencium kehadiran penguat kuasa. Jika penguat kuasa datang, mereka akan segera berada di kedai seolah-olah mereka yang berniaga. Apabila penguat kuasa berlalu, peniaga asing datang kembali.

Kerana itu Adi sangat setuju seandainya dalam usaha memerangi peniaga asing ini, DBKL juga menggiatkan usaha mengenal pasti peniaga tempatan yang menyewakan lesen.

Mereka secara tidak langsung menggalakkan pertumbuhan peniaga asing di ibu kota.

Anggaplah peniaga tempatan yang menyewakan lesen sebagai tidak minat berniaga. Mereka minta lesen semata-mata dengan niat untuk menyewakannya. Oleh itu cara terbaik bertindak kepada mereka ialah menarik balik lesen. Beri lesen tersebut kepada yang bersungguh-sungguh mahu bermula.

Adi—Sokong peniaga jujur

Adi Taib

Sajak

LANGIT-MU

*Langit indah
Kujengah
Awan berarak gagah*

*Langit indah
Kujamah
Puteri malam
Bersemayam dalam kelam*

*Langit indah
Ku lapah
Maharaja siang
Tersenyum girang*

*Langit indah
Jangan kau menghilang
Hadirmu pasti ku bilang*

**MuzzAhmad
Putrajaya.**



Ringankan beban kos perubatan ibu

Anak sebak terima Bantuan Khas YWP



SITI Zuraini (kiri) ketika menerima bantuan daripada wakil YWP di rumahnya baru-baru ini.

HAZIRAH HALIM

“TERIMA kasih Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) meringankan beban yang ditanggung ibu bapa saya,” ujar **Siti Zuraini Abd Azad** yang merupakan anak kepada penerima sumbangan Bantuan Khas YWP berupa wang tunai baru-baru ini.

Bersyukur dengan bantuan yang diterima, dia kini mengakui terpaksa berhenti kerja kerana perlu menjaga ibunya yang sedang terlantar sakit di rumah serta memerlukan sepenuh perhatian.

“Kaki kanan ibu telah dipotong sehingga lutut kerana menghidap penyakit kencing manis. Disebabkan saya sudah tidak berkerja, jadi adik-beradik yang lain terpaksa menanggung kos perbelanjaan perubatan dan barangans asas lain.

Ibu juga perlu minum susu khas dan harganya juga agak mahal. Namun kami sentiasa berusaha bagi memastikan ibu kembali sihat,” ujarnya yang turut berterima kasih kepada Pengurus Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Batu, Ghulam Muszaffar Ghulam Mustakim yang menghubungkan mereka dengan YWP.

Selain menerima Bantuan Khas YWP secara one-off, Siti Zuraini berkata ibunya turut menerima bantuan berupa susu dan lampin pakai buang pada setiap bulan dari Baitulmal Wilayah Persekutuan.

“Walau bagaimanapun, saya sendang memohon agar Baitulmal menukar bentuk bantuan tersebut kepada wang tunai kerana susu yang diberikan tidak lagi sesuai digunakan dan saya perlu membeli susu lain,” ujarnya kepada Wilayahku.

Berkongsi lanjut tentang kisah kedua ibu dan bapanya, dia bagaimanapun tidak mampu menahan kesedihan apabila bapanya, Abd Azad A.Aminullah tidak sempat menerima sumbangan dari YWP kerana telah meninggal dunia baru-baru ini.

“Sebenarnya bantuan ini diminta oleh arwah ayah kerana pada ketika itu dia perlu menggunakan oksigen dan mendapatkan rawatan daripada para medik setiap hari di rumah. Jadi, memang memerlukan perbelanjaan yang besar.

“Ayah menghidap pelbagai penyakit antaranya strok, kencing manis, darah tinggi dan jangkitan paru-paru tetapi saya percaya kalau ayah masih ada dia pasti gembira kerana permohonannya berjaya,” ujarnya sebak.

Terdahulu, Siti Zuraini mewakili

Info

ADUAN

DBKL

Tel : 03-2617 9000



Perbadanan Putrajaya

Tel : 03-8887 7000



Perbadanan Labuan

Tel : 087-408600



Wilayahku

WhatsApp

: 011-5958 7489

ibunya menerima sumbangan berupa wang tunai dari YWP di rumahnya yang terletak di Jalan Kepong Lama, Kuala Lumpur. **WK**

Program khidmat masyarakat himpun pelajar, penduduk

SERAMAI 30 pelajar Program Jarak Jauh (PJJ) dari Pusat Pengajian Profesional dan Lanjutan (PACE) Universiti Utara Malaysia (UUM), Kampus Kuala Lumpur menjalankan Program Khidmat Masyarakat di Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Selayang, Gombak, baru-baru ini.

Berkonsepkan kesukarelaan dan pendidikan, program yang julung kali diadakan itu melibatkan 150 peserta terdiri daripada pelajar SK Kampung Selayang, guru-guru, Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) sekolah termasuklah masyarakat setempat.

Timbalan Pengarah Program, **Mohd Rahmat Mohd Shariff** berkata ia menfokuskan dua aktiviti utama iaitu program gotong-royong serta sesi taklimat dan perkongsian berkenaan kesihatan dan penjagaan gigi.

“Ia bertujuan membantu pihak sekolah mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan bersih di samping mendidik para pelajar sekolah tentang kepentingan menjaga kesihatan gigi,” ujarnya.

Pada program tersebut, para pelajar PJJ UUM turut menyumbangkan sumbangan wang tunai berjumlah RM4,000 kepada pihak sekolah yang juga merupakan hasil kutipan wang tajaan yang berjaya dikumpul daripada beberapa pihak swasta dan orang persendirian.

Terdahulu, majlis perasmian program telah disempurnakan oleh Ahli Parlimen Batu, P.Prabakaran dan turut dihadiri oleh Pengarah UUM PACE, Profesor Madya Dr Awan Ismail. Penasihat Program, Ali Hafizah Mohamad Rawi dan Guru Besar SK Kampung Selayang, Badrulhisham Bahari. **WK**



SEBAHAGIAN peserta bergambar bersama Ahli Parlimen Batu, P.Prabakaran (barisan kedua, lima dari kanan) sejurus tamat program khidmat masyarakat.

Kenaikan OPR: YWP kekal kadar ansuran pinjaman

KEPUTUSAN Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menaikkan Kadar Semalam (OPR) baru-baru ini telah menimbulkan keresahan rakyat dan tidak kurang juga pelbagai reaksi dalam kalangan mereka.

Rata-ratanya menyifatkan kenaikan kadar tersebut bakal meningkatkan lagi pembayaran ansuran bulanan pinjaman sekali gus menganggap ia membebankan susulan kesempitan hidup ekoran pandemik COVID-19.

Melihat situasi ini, Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP) yang juga anak syarikat Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) mengambil langkah untuk tidak menaikkan kadar OPR kerana memahami beban yang ditanggung oleh penyewa dan pembeli.



HAZIQ ASNAWI

Pembantu Operasi SPWP, **Haziq Asnawi Hassan Azhari** berharap tindakan ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban ekonomi yang dihadapi oleh peminjam perumahan di bawah SPWP.

“Kepada mereka yang mungkin keliru atau tertanya-tanya tentang perkara ini, ingin saya jelaskan SPWP tidak menaikkan kadar OPR untuk ansuran pinjaman sewa beli rumah yang disediakan.

“Ini kerana SPWP memahami situasi rakyat yang sedang bergelut dengan masalah ekonomi terutamanya selepas pandemik COVID-19. Apatah lagi daripada kelompok berpendapatan rendah (B40) yang berdepan isu kos sara hidup.

“Ada sesetengahnya kais pagi



TIADA kenaikan OPR sewa dikenakan SPWP.

makan pagi, kais petang makan petang. Jadi macam mana nak bayar komitmen lain. Kalau ada kenaikan kadar OPR sudah tentu menambah beban mereka,” katanya.

Tambah Haziq lagi, kepada

penyewa yang mempunyai masalah pembayaran, dialu-alukan untuk bertemu pihak SPWP bagi tujuan berbincang dan mencari jalan menyelesaikan masalah yang dihadapi. **WK**

Yayasan Wilayah Persekutuan

Lokasi: Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

Objektif: Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

Hubungi: 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

WhatsApp: 019-348 3073

E-mel: info@yayasanwp.org.my

Laman sesawang: www.yayasanwp.org.my

Anak Syarikat: Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (Wilayahku)

Laman sosial YWP: Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok: yayasanwp

REALITI KEHIDUPAN

RODA KOTA

20-26 JANUARI 2023. Bil 199

Wilayah Ku



Taman Persahabatan Malaysia-China

Simbol hubungan baik dua negara



ANJUNG Floria di Presint 4, Putrajaya yang dahulunya merupakan tapak penganguran Festival Bunga dan Taman Antarabangsa (FLORIA) Diraja Putrajaya kini semakin mendapat tempat di hati pengunjung.

Komponen yang menarik untuk dilawati adalah tiga buah taman indah iaitu Taman Persahabatan Malaysia-China, Taman Inggeris (*English Garden*) dan Taman Fantasi (*Fantasy Garden*).

Taman Persahabatan Malaysia-China adalah satu-satunya taman yang unik di mana pengunjung akan merasai seolah-olah berada di negara China saat menjelaskan kaki ke lokasi tersebut.

SAMBUNGAN DI MUKA 10



SABRINA SABRE

DARI MUKA 9

BAGI anda yang tidak berpeluang ke negara Cina, apa kata luangkan masa seketika berkunjung ke Taman Persahabatan Malaysia-China yang terletak di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya.

Bukan sahaja menjadi tumpuan pelancong tempatan, lokasi ini juga dikatakan mendapat tumpuan pelancong luar yang ingin merasai pengalaman seolah-olah berada di zaman dinasti China.

Direka bercirikan elemen 'Lingnan-styled garden' di atas tanah berkeluasan 0.24 hektar di tapak kekal FLORIA, taman persahabatan ini adalah mercu tanda hubungan diplomatik yang semakin kukuh antara Malaysia dan China.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Bahagian Rekreasi dan Operasi Perbadanan Putrajaya (PPj), **Azhar Abdullah**, projek pertama yang dilaksanakan dalam bentuk taman persahabatan ini dibangunkan dengan kerjasama Persatuan Persahabatan Malaysia China (PPMC) yang juga merupakan pencetus idea pembinaan taman tersebut.

Terdahulu, kerajaan negara China melalui agensi yang dilantik iaitu Dongguan People's Association For

Friendship With Foreign Countries menyatakan persetujuan dengan pembangunan Taman Persahabatan Malaysia-China selain menyalurkan peruntukan sebanyak RM1.5 juta bagi menampung kos pembinaaan.

"Taman ini bukan hanya menyokong hubungan baik dan meraikan ulang tahun ke-40 jalanan perhubungan dua hala antara Malaysia dan China tetapi juga dibangunkan sebagai lokasi tarikan pelancong yang dapat menambah karakter antarabangsa di Putrajaya," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Beliau berkata ia juga dilihat sebagai satu pendekatan pembangunan strategik yang perlu diberi perhatian dan pertimbangan sewajarnya kerana karakter *Chinese Garden* yang dipamerkan mempunyai keunikannya tersendiri untuk menambah kepelbagaiannya bagi pengisian.

"Seni bina dan kaligrafi tradisional Cina yang diterapkan di setiap sudut taman tersebut merupakan salah satu daya tarikan yang menarik pengunjung untuk datang ke sini. Pembinaan taman unik dengan ciri Lingnan ini menawarkan pelbagai keindahan, selain binaannya yang menarik dengan dilengkapi kolam di tengah-tengah taman yang menawarkan pelbagai aura



AZHAR

positif buat orang ramai.

"Selain itu, terdapat dua pokok jenis *Michelia Alba* atau sempaka putih yang mencuri perhatian pengunjung yang meneroka di setiap sudut taman ini kerana pokok tersebut. Ia ditanam pada Majlis Pecah Tanah sembilan tahun lalu sebagai simbolik hubungan diplomatik kedua-dua negara.

"Lebih menarik, kawasan ini berlatarbelakangkan panorama tasik Putrajaya dan beberapa binaan ikonik seperti Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Jambatan Seri Saujana yang sudah tentu menjadi lokasi tumpuan pengunjung untuk beriadah dan bersantai," ujarnya lokasi taman persahabatan yang strategik ini membolehkan pengunjung berkelah atau melakukan pelbagai aktiviti menarik.

Di samping itu, Azhar memaklumkan buat masa ini, ia dibuka kepada orang awam tanpa dikenakan sebarang caj bayaran selain pengunjung berpeluang menghayati sendiri negara China yang

sememangnya kaya dengan kehalusan seni binanya.

"Taman ini juga dibuka kepada pasangan pengantin dan jurugambar yang ingin merakamkan potret perkahwinan. Landskap menarik persis berada di negara China ini merupakan satu bonus buat para raja sehari.

"Bagaimanapun, untuk mereka yang ingin membuat penggambaran, bayaran tertentu akan dikenakan selain perlu berhubung dengan pihak Putrajaya Floria Sdn Bhd," ujar beliau.

GABUNG ENAM ELEMEN UTAMA

PENERAPAN enam elemen utama iaitu air, gunung, batu, bangunan, kaligrafi dan tumbuhan di Taman Persahabatan Malaysia-China ini dilihat memberi kombinasi yang cukup mendamaikan.

"Antaranya adalah elemen air yang dapat kita lihat melalui kolam di tengah antara pavilion dan pintu masuk serta kolam lain yang terdapat di sekitar kawasan tersebut bagi memberikan kedamaian dan ketenangan yang berterusan selain suasana pergunungan yang menyegarkan pandangan dapat dirasai oleh setiap pengunjung ketika

melawat keseluruhan taman.

"Seterusnya, elemen batu dan bangunan pula diperlihatkan dari pasangan pengantin dan jurugambar yang ingin merakamkan potret perkahwinan. Landskap menarik persis berada di negara China ini merupakan satu bonus buat para raja sehari.

"Bagaimanapun, untuk mereka yang ingin membuat penggambaran, bayaran tertentu akan dikenakan selain perlu berhubung dengan pihak Putrajaya Floria Sdn Bhd," ujar beliau.

Selain itu, seni kaligrafi di sekitar kawasan taman persahabatan tersebut juga sangat mengujakan. Ia bagaikan menghidupkan setiap sudut dengan sentuhan halus kaligrafi Cina.

"Bukan itu sahaja, tumbuhan-tumbuhan juga merupakan elemen yang sangat berperanan dalam memberikan kedamaian di taman ini. Pokok maple, bonsai, buluh dan beberapa jenis pokok serta bunga yang ditanam di sini bagi terapi diri buat para pengunjung.

"Gabungan pelbagai elemen utama dengan batuan berwarna, koridor penggulungan, pokok yang subur, bunga yang berkembang, halaman indah dan pavilion di taman ini sebagai bukti persahabatan yang berpanjangan antara Malaysia dan China," ujarnya.

WK



Anjung Floria catat 1.5 juta pengunjung



FOTO: SYUQQREE MOHD DAIN
DIANA AMIR

ANJUNG Floria yang dibangunkan pada tahun 2014 merupakan antara lokasi pilihan pengunjung di Putrajaya. Berdasarkan rekod sepanjang tahun 2022, ia berjaya mencatat lebih 1.5 juta kehadiran pelancong.

Menurut Pengarah Komunikasi Korporat, **TPr Norzita Abdul Razak**, ia menjadi pilihan kerana pengunjung boleh melakukan pelbagai aktiviti menarik yang membuatkan mereka sentiasa teruja.

"Antara aktiviti menarik adalah berkelah, berkayak, berbasikal, memancing dan banyak lagi yang mana saya yakin ini antara lokasi wajib dikunjungi dan tidak akan dilepaskan oleh mereka," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Berkongsi kemudahan lain yang terdapat di kawasan tersebut, terdapat dua buah kafe iaitu Cyclist Cafe dan Lake Cabin untuk pengunjung menjamu selera sambil menikmati keindahan panorama Tasik Putrajaya.

Tambah beliau, pada masa ini, PPj merancang untuk menambah produk pelancongan taman bagi menarik lebih ramai pengunjung ke lokasi tersebut.

"Tapak perkhemanan, e-skuter dan *Instagrammable spot* merupakan antara penambahbaikan yang dicadangkan namun semuanya masih dalam perancangan dan sekiranya ada berita baik ia akan diberitahu kelak."

"Dari segi kemudahan pula, kita akan tambah bilangan tempat duduk serta tandas bagi memudahkan pengunjung terutamanya ketika ada acara besar di tapak ini," ujar beliau antara yang terdekat adalah Hari Rekreasi Putrajaya pada Jun ini. WK



NORZITA



PANTAI FLORIA

MERUPAKAN sebuah pantai buatan yang berkeluasan 100 meter dan mula dibuka kepada kunjungan orang ramai pada 1 Mac 2022.

Kawasan itu yang beroperasi dari jam 9 pagi sehingga 6.30 petang mempunyai lima aktiviti menarik seperti pantai berpasir (*sandy beach*), memancing, berkayak, berkelah dan bot kawalan jauh.



PIT STOP UTAMA


ANJUNG Floria juga dijadikan Pit Stop Utama (0.0KM) bagi permulaan dan penamat setiap pilihan laluan penunggang basikal di Putrajaya. Terdapat lapan laluan basikal telah dibangunkan sebagai panduan dan pilihan kepada orang ramai untuk berbasikal di Putrajaya.

Kawasan rekreasi itu juga merupakan lokasi mudah diakses dari segi kedudukannya yang berhubung dengan sisiran Tasik Putrajaya, laluan sikal dan pejalan kaki sisiran tasik serta laluan *cruise* di samping menawarkan pelbagai kemudahan asas yang diperlukan oleh penggemar sukan berbasikal.

LAKE CABIN

LAKE Cabin @ Anjung Floria Putrajaya merupakan premis pelbagai fungsi yang menawarkan perkhidmatan menyewa, menjual dan membaiki selain menempatkan peralatan berkaitan basikal termasuk sebuah kafe.

Ia menjadi tumpuan ramai terutama golongan muda untuk bersantai sambil menikmati aroma kopi yang segar dan aneka pilihan makanan bermula pukul 7 pagi hingga 10 malam.



SISIRAN FLORIA

DIBUKA setiap hari kecuali Isnin pada pukul 9 pagi sehingga 6.30 petang buat pengunjung melakukan aktiviti berkayak dengan harga serendah RM15 (dua orang) selama satu jam.

Pengunjung juga boleh melakukan aktiviti memancing dengan harga bermula RM50 per joran di mana ada spesies ikan untuk tangkap dan lepas.



Kepala Singa Wan Seng Hang warisan lebih 36 tahun



SYUQQREE MOHD DAIN

TARIAN Singa merupakan seni budaya yang tidak asing lagi dalam masyarakat Cina di Malaysia mahupun luar negara dan antara komponen pentingnya merupakan kostum kepala singa yang sering dipegang oleh penari semasa membuat persembahan.

Wan Seng Hang Dragon & Lion Arts yang terletak di Subang mempunyai pengalaman lebih 36 tahun dalam menghasilkan kostum kepala singa buatan sendiri. Pengasasnya, Siow


Ho Phiew, 68, digelar sebagai pakar dalam pembuatan alat tarian singa kerana telah mengkaji seni pembuatan kostum kepala singa sejak tahun 1984.

Penghasilannya juga bukanlah satu tugas mudah kerana perlu melalui proses yang rumit di mana ia akan mengambil masa selama lapan hingga sembilan hari untuk disiapkan. Tambahan pula, harga bagi satu set kostum kepala singa ini adalah bermula dari RM3,000 dan ke atas. Setiap bahagian daripada pembuatan kostum kepala singa dikendalikan oleh pakar-pakar mengikut pengkhususan daripada proses membentuk rotan, tampaian kertas putih,

melukis corak dan sebagainya.

Lebih mengagumkan, hasil kraf beliau turut mendapat tempahan bukan sahaja dari dalam negara tetapi dari seluruh dunia termasuk Amerika Syarikat, Hong Kong, Taiwan bahkan negara asal tarian itu, China turut menjadi pelanggannya.

Jelaslah keindahan Tarian Singa ini bukan hanya terletak pada kemahiran gerak-geri penari tersebut tetapi kualiti serta cara pembuatan kostum kepala singa itu sendiri sangat memainkan peranan penting bagi memastikan pergerakan tangkas penari tidak terbatas dan tidak mendatangkan sebarang kecederaan. **WK**





Meriah menjelang Tahun Baru Cina

SAMBUTAN Tahun Baru Cina akan disambut oleh masyarakat Tionghua pada 22 dan 23 Januari ini. Menurut zodiak kalender masyarakat Cina, tahun ini merupakan tahun Arnab Air yang diramalkan menjadi tahun harapan bagi masyarakat Cina. Sifat arnab yang bijaksana dan mementingkan kedamaian menjadikan ia satu keuntungan bagi tahun 2023.

Tokong Thean Hou ialah sebuah tokong Cina enam tingkat yang terletak di puncak Robson Heights, Seputeh dan dibina di atas tanah berkeluasan 167 ekar. Ia juga merupakan salah satu tokong yang terbesar di Asia Tenggara. Deretan tanglung sudah mula menghiasi Tokong Thean Hou sebagai persiapan menyambut Tahun Baru Cina. **wK**



Sembilan tahun berkahwin, Puteri Sarah nekad cerai



DEEL ANJER

PELBAGAI reaksi yang timbul dalam kalangan peminat apabila pelakon **Puteri Sarah Liyana**, 38, akhirnya sah memfailkan permohonan cerai terhadap suaminya pengarah tersohor, Syamsul Yusof.

Walau apa pun pandangan atau komen netizen, Sarah nekad untuk bercerai setelah mencuba sedaya upaya untuk terus mempertahankan rumah tangga yang dibina selama hampir sembilan tahun.

Namun tarikh yang ditetapkan oleh mahkamah itu dilihat signifikan kerana hampir dengan tarikh ulang tahun perkahwinan mereka.

"Syukur, cukuplah Sarah jadi isteri kepada Mohd Syamsul.

"Kita bermula (berkahwin) pada 8

Mac, kita habis pun 8 Mac.

"Tarikh prosiding 7 Mac itu signifikan kerana kebetulan 8 Mac adalah tarikh ulang tahun perkahwinan kami yang kesembilan," katanya.

Timbul juga persoalan dalam kalangan netizen apa yang akan berlaku jika Syamsul tidak mahu melafazkan cerai terhadap Puteri Sarah dan perkara tersebut dirungkai oleh peguamnya, Datuk Akberdin Abdul Kader.

"Ikat prosedur, kalau dia (Syamsul) datang hari tersebut dan kalau dia setuju maka lafaz cerai itu boleh berlaku pada hari tersebut.

"Kalau umpamanya tak setuju, kita akan teruskan dengan peringkat kedua di mahkamah sama, mahkamah akan rujuk pada



Jawatankuasa Pendamai, kedua-dua pihak akan diwakili wakil masing-masing untuk cuba cari jalan.

"Jika berjaya, kita akan teruskan dengan cerai. Kalau tak berjaya, mahkamah akan rujuk pada hakam pertama (keluarga), kalau tak berjaya, kita akan beralih kepada hakam yang terakhir iaitu hakam mahkamah.

"Kita akan mohon pada mahkamah agar beri mandat kepada hakam mahkamah itu supaya sekiranya dia (Syamsul) masih enggan, autoriti lafaz cerai itu diberikan pada hakam mahkamah yang mewakili plaintiff (Puteri Sarah)," jelas Akberdin.

Susulan itu, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menetapkan 7 Mac depan sebagai hari sebutan kes bagi permohonan cerai berkenaan.

MIMI LANA &
SYAFIQ KYLE

Syafiq Kyle, Mimi Lana rancang nikah tahun ini

AKHIRNYA penantian para peminat akan berakhir apabila pelakon kakak

Syafiq Kyle mengumumkan bakal menikahi kekasihnya, aktres **Mimi Lana** tahun ini.

Syafiq bagaimanapun berkata tarikh majlis hari

bahagianya belum boleh dikongsikan lagi kerana persiapan sedang dilakukan.

"Alhamdulillah, satu persatu langkah kita sudah lakukan. 'Menangis' banyak juga berhabis, tetapi saya percaya bila kita mahu melakukan perkara baik, Allah SWT luaskan rezeki dan permudahkan urusan kita.

"*Insya-Allah*, mungkin dalam tahun ini juga. Cuma saya tak berani nak sebut tarikh tertentu kerana ia bergantung kepada urusan, komitmen kerja dan sebagainya," ujarnya.

Syafiq atau nama sebenarnya, Mohd Syafiq Shamim Abdul Razak dan Mimi Lana juga sudah menghadiri kursus kahwin, baru-baru ini.

"Soal persiapan buat masa ini saya selesaikan perkara wajib terlebih dulu. Satu demi satu. Kursus kahwin, kalau belum (kahwin) pun kita memang perlu hadir.

"Ya, saya sudah menghadiri kursus kahwin bersama Mimi. Malah, ada memuat naik gambar 'selfie' ketika kami sama-sama menjalani kursus berkenaan," akuinya.

Konsert Patah Hati bukan hanya tentang cinta

RAMAI beranggapan Konsert Patah Hati anjuran ANS Diversified Sdn Bhd yang bakal berlangsung pada 15 Mac 2023, di The Zep Kuala Lumpur adalah untuk mereka yang putus atau kecawa dalam percintaan.

Pengaruh Projek konsert, **Ahmad Faizal**

Zulkipli berkata konsert yang julung kali dikendalikan oleh ANS Diversified itu bakal menampilkan Ernie Zakri, Noh Salleh, Naim Daniel, Aisha Retno, Insomniacks dan Nastia.

Artis-artis yang terbabit adalah kombinasi artis solo serta berkumpulan dan masing-masing mempunyai jutaan pengikut di Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam.

"Sesuai dengan namanya, Konsert Patah Hati, persembahan hebat ini akan menampilkan lagu-lagu cinta pelbagai genre yang menyentuh perasaan. Ia bukan sahaja lagu hit masa kini tetapi juga lagu hit sepanjang zaman dalam versi segar.

"Sebenarnya Patah Hati bukanlah mengenai cinta saja, tapi kita ambil inspirasi daripada kehidupan dan apa yang berlaku dalam zaman sekarang.

"Sebagai contoh, kita ramai kehilangan saudara mara atau adik-beradik masa pandemik dan membuatkan masing-masing terkesan.

"Mungkin yang lain ada patah hati pasal kerjaya, perniagaan dan sebagainya. Itu sebenarnya, patah hati juga bukan sekadar cinta semata-mata,"

jelasnya tentang maksud di sebalik judul konsert berkenaan.

Katanya lagi, pada malam konsert kelak, artis-artis akan diiringi tujuh pemuzik profesional dan dua penyanyi latar di bawah pimpinan Pengarah Muzik, Shahakam Mokhtar.

"Ernie Zakri, Noh Salleh dan Naim Daniel pernah beraksi dalam banyak konsert dan acara besar seperti Anugerah Juara Lagu (AJL) dan Anugerah Industri Muzik (AIM).

"Aisha Retno pula sangat kreatif dan energetik apabila di pentas dan baru saja melancarkan single terbaharunya, *I Love Sadness More*.

"Insomniacks dianggotai tiga anak muda, Iqie, Iskandar dan Daniel pula hebat dengan single Pulang yang menjadi juara carta lagu domestik paling banyak distrim pada 2019 di media digital.

"Begini juga dengan Nastia yang sangat diminati dengan lagu Rapuh serta mempunyai pengalaman beraksi secara live. Setiap artis akan mendendangkan tiga buah lagu dan mungkin lebih," kata Ahmad Faizal lagi.

Konsert ini turut mendapat kerjasama rakan strategik, Yayasan Digital dan Jemz Group serta rakan media, Oh My Media serta Monyok (*merchandise* rasmi).

Tiket-tiket boleh ditempah di laman web <http://www.ticket2u.com.my/>. W.K



Krisis ekonomi: Adabi pastikan harga produk berpatutan



DEEL ANJER

SENTIASA peka dengan kenaikan harga barang termasuklah produk makanan, syarikat pengeluaran makanan terkenal Adabi Consumer Industries Sdn Bhd cuba mengekalkan harga produknya agar sentiasa berpatutan.

Menurut Ketua Pegawai Kumpulan Kewangan dan Strategi Adabi, **Syed Izmal Datuk Syed Manshor**, perkara tersebut merupakan cabaran yang dihadapi Adabi dalam keadaan

situasi ekonomi negara yang kurang membezarkan.

"Setiap syarikat pasti ada cabarannya tersendiri. Untuk tahun ini, salah satu cabaran kepada kami adalah bagaimana untuk mengekalkan harga yang berpatutan kepada pelanggan."

"Misalnya kenaikan harga bahan mentah yang sangat ketara. Cabaran kami pula adalah mengeluarkan produk dengan kos yang



SYED IZMAL

terbaik dan dijual dengan harga yang tak mahal," ujar beliau ketika ditemui pada sidang media lawatan kilang tin makanan Adabi di Rawang, Selangor, Rabu lalu.

Tambah beliau, kepelbagaiannya produk di pasaran juga menjadi antara cabaran untuk mengekalkan



PENERANGAN ringkas pihak Adabi kepada media.



SESI bergambar sejurus lawatan ke kilang Adabi di Rawang.

nama Adabi agar kekal menjadi pilihan masyarakat tempatan maupun luar negara.

"Di Malaysia orang sudah tahu nama Adabi, tapi macam mana kita nak bawa jenama Adabi ke negara-negara ASEAN, Eropah dan Amerika Syarikat. Macam mana kita nak buat produk yang boleh diterima oleh rakyat-rakyat negara tersebut."

"Cabaran seterusnya adalah bagaimana untuk kumpulan Adabi terus berinovasi dan mengeluarkan produk-produk yang menarik," ujar beliau komited mengeluarkan produk yang membuatkan pengguna teruja.

"Kilang baharu ini merupakan langkah dalam mengembangkan pengeluaran makanan dalam tin dan sos sedia ada sesuai dengan jenama Adabi yang semakin kukuh dalam pasaran."

"Ini juga merupakan salah satu daripada pelaburan baharu Adabi untuk memenuhi permintaan produk sedia untuk dimakan (ready-to-eat), sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat," ujar beliau.

Terdahulu, para petugas media diberi taklimat tentang pembuatan makanan dalam tin dan sos baharu Adabi dalam sesi lawatan kilang tin makanan Adabi di Rawang. **WK**

Tanda cinta Wilayah Persekutuan

MOHD HAZIM MOHD NOOR

SEPERTI tahun-tahun sebelumnya, salah seorang warga Wilayah Persekutuan Labuan, **Mohd Noor Mohd Salleh**, 59, meneruskan aktiviti memasang bendera Wilayah Persekutuan di kawasan halaman rumahnya yang turut dibantu oleh dua orang cucunya Danial dan Danish sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2023.

Beliau juga mengajak seluruh warga Wilayah Persekutuan terutamanya warga Labuan untuk bersama-sama mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan walau di mana anda berada sebagai tanda kecintaan kita terhadap Wilayah Persekutuan.



Lambakan daging Mee Champa curi perhatian ramai



FOTO: SYUQQREE MOHD DAIN
HAZIRAH HALIM

MEe Champa merupakan makanan popular dari negara Kemboja. Ia sering dijadikan menu utama tatkala majlis keraian seperti majlis perkahwinan dan sebagainya.

Sudah tentu keenakannya terletak pada sup yang menggunakan air rebusan daging dan tulang bagi menjadikan rasanya sebatik dan sentiasa dekat di hati pelanggan.

Oleh kerana juadah ini mendapat sambutan masyarakat tempatan, ramai yang turut mengambil peluang untuk bermiaga di warung tepi jalan mahupun di pasar malam.

Antara perniagaan Mee Champa yang semakin dikenali adalah Mee Sup Daging Melayu Champa@TheChampKL, Batu Muda, Kuala Lumpur diusahakan oleh **Adam Nurhafeez Rosdi**, 22, bersama dua orang adiknya sejak Oktober tahun lalu.

Menariknya, Mee Champa ini menggunakan hampir 90 peratus resipi dari Kemboja yang dipelajari melalui rakan ibu dan bapanya yang

berasal dari negara berkenaan.

Menurut Adam, dia turut menawarkan tiga pilihan menu iaitu *regular* daging (50 gram), *special* daging (80 gram) dan *special* daging urat keting (100 gram).

"Pelanggan boleh memilih mana-mana menu tersebut dengan pilihan empat jenis mi iaitu Mee Champa, mi kuning, bihun dan kuetiau berserta lambakan daging yang ditimbang mengikut menu pilihan.

"Istimewanya hidangan ini datang daripada supnya selain limpahan daging yang lembut memandangkan kami akan merebus ia terlebih dahulu selama beberapa jam.

"Untuk menambah lagi keenakan rasa Mee Champa ini, kami akan sertakan ia dengan hirisn daun sup, bawang goreng, bawang putih yang



Alamat:
**Jalan 46/10, Kampung Batu Muda,
51100 Kuala Lumpur**
Waktu Operasi:
12 tengah hari – 7 petang
Laman sosial:
**TikTok / Instagram:
@thechampkl (CEO MEE)**
Harga:
Special Daging + Urat Keting (100 gram) - RM15.90
Special Daging (800gram) - RM14.90
Regular Daging (50 gram) - RM13.90

telah dikisar dan digoreng, taugeh, lobak

asin dan daging," kongsinya kepada *Wilayahku*.

Tambahnya, pelanggan juga boleh mencampur kesemua jenis mi yang tersedia namun antara mi yang menjadi pilihan dan mendapat sambutan pelanggan adalah Mee Champa dan bihun.

Tidak lokek meletakkan

daging dalam kuantiti banyak bagi setiap hidangan, Adam berkata dia tidak mahu terlalu memikirkan tentang keuntungan kerana ingin memberi kepuasan kepada pelanggan setanding dengan harga yang ditawarkan.


"Niat saya memang untuk memberi kepuasan kepada pelanggan ketika merasai Mee Champa ini. Jadi soal keuntungan atau kerugian itu tidaklah menjadi keutamaan."

"Walau bagaimanapun, berkat daripada bantuan orang ramai yang menularkan perniagaan kami di *TikTok* dan *Instagram*, dalam tempoh empat

bulan beroperasi, Mee Champa berjaya dijual sebanyak 350 mangkuk sehari," ujarnya lagi.

Memandang jauh ke hadapan, dia berharap meluaskan rangkaian perniagaannya di sekitar kawasan Kuala Lumpur dan mahu membuka sebuah kedai bagi memudahkan operasi selain membantu keluarga yang susah.

"*Insya-Allah* saya sudah merancang ke arah itu supaya pelanggan lebih mudah untuk mendapatkan Mee Champa," ujarnya yang bercadang untuk bermiaga di bazar Ramadan sekitar Kuala Lumpur tahun ini. **WK**



ADAM Nurhafeez (tengah) bersama dua adiknya, Adam Nurharris (kiri) dan Adam Nurhaffiy yang menjadi tulang belakang perniagaan Mee Champa.

Wajarkah UPSR dan PT3 dikembalikan?



DR ZUWATI HASIM

DALAM negara lain yang dahulunya mengamalkan sistem peperiksaan seperti Singapura dan China, sibuk bergerak maju terhadap menginsanakan sistem pentaksiran dan penilaian di sekolah, ramai ibu bapa di negara kita mendesak untuk mengembalikan peperiksaan taruhan tinggi (*high-stakes exam*) Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3). Jelas masih ramai ingin memusatkan pendidikan kepada sistem peperiksaan kebangsaan atas alasan dengan adanya peperiksaan ini, murid lebih bermotivasi dan cenderung untuk belajar. Kajian luas berkaitan motivasi dan kesan peperiksaan taruhan tinggi di beberapa negara maju dan membangun, memaparkan dapatan yang jelas bahawa tahap stres dan keresahan dalam kalangan murid adalah tinggi dan memberi kesan negatif jangka masa pendek dan panjang kepada murid-murid, bergantung kepada tahap resiliensi seseorang murid itu.

Kesan ini menjadi lebih teruk dengan tambahan tekanan daripada ibu bapa yang inginkan

anak mereka mencapai keputusan yang cemerlang dan lebih teruk apabila membandingkan keputusan yang diperoleh dengan murid yang lain. Pernahkah kita terfikir apa yang berlegar dan menghantui minda dan perasaan murid berusia 12 dan 15 tahun ini? Apakah keperluan sebenar untuk diadakan peperiksaan taruhan tinggi ini sedangkan jika kita benar-benar inginkan pemantauan dan perkembangan pembelajaran yang lebih efektif, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) memberikan lebih manfaat dan menggalakkan komunikasi serta hubungan erat antara guru-murid-ibu bapa/penjaga khasnya dalam memahami dan mengikuti perkembangan pembelajaran murid.

PBS mempunyai banyak kelebihan berbanding peperiksaan taruhan tinggi, jika tujuan pentaksiran dilaksanakan adalah bagi membantu pengajaran dan pembelajaran, di mana melalui PBS, Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dapat dilaksanakan secara berterusan melalui kaedah yang pelbagai sama ada melalui kuiz, ujian berterusan, ujian akhir tahun, ujian alternatif dan sebagainya. Dengan kaedah pelbagai ini, ia membolehkan guru menilai murid secara menyeluruh atau holistik. Proses berterusan ini juga membolehkan guru lebih memahami keperluan pembelajaran murid.

Menyedari tentang kebaikan yang akan diperoleh dari pelaksanaan PBS ini yang menggabungkan konsep pentaksiran formatif dan sumatif, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil langkah ke depan dengan melaksanakan sistem tersebut di sekolah rendah pada 2011 dan di sekolah menengah pada 2012 sebagai salah satu agenda Program Transformasi Pendidikan dengan berobjektifkan kepada pembinaan insan yang holistik, penguasaan ilmu dan pembentukan sikap progresif.

Berbeza dengan sistem peperiksaan taruhan tinggi di mana rata-rata murid belajar dan hafal untuk menduduki seterusnya lulus peperiksaan. Disebabkan amalan belajar dan hafal ini, ramai murid tidak mampu mengaplikasikan ilmu pengetahuan yang diperoleh apatah lagi dalam mengekalkan kelestarian ilmu pengetahuan. Ia menanam budaya 'belajar kerana peperiksaan'.

Oleh yang demikian lahirlah budaya 'serapan maklumat' dan 'menjawab mengikut skema'. Amalan ini bercanggah dengan ideologi globalisasi pendidikan dan matlamat mencapai kebolehan berpikir aras tinggi dalam kalangan murid. Perlu diingatkan, bilangan 'A' yang banyak bukan cermin kecerdikan atau kepintaran seseorang.

Apa yang perlu diterapkan

adalah belajar ilmu diikuti memahami ilmu yang dipelajari serta boleh mengaplikasikan ilmu yang difahami mengikut situasi. Begitu juga, masyarakat khasnya ibu bapa perlu maklum bahawa minat, kecenderungan, tahap dan perkembangan murid adalah berbeza-beza. Kecerdasan pelbagai (*multiple intelligences*) murid perlu diakui dan diberi perhatian.

Ada murid yang cenderung dalam akademik, ada murid yang cenderung dalam kemahiran, ada juga murid yang cenderung dalam kesenian dan sebagainya. Oleh yang demikian penilaian secara holistik melalui PBS adalah dilihat sesuai. Ini tidak bermaksud PBS mengamalkan 'bebas peperiksaan' sepenuhnya. Manakala tujuan peperiksaan taruhan tinggi (*i.e. national exam*) adalah bertujuan untuk pengelasan, pengredan atau pun persijilan. Oleh yang demikian, sekali lagi adakah perlu dilaksanakan UPSR dan PT3 sebagai peperiksaan taruhan tinggi dan apakah keperluan persijilan bagi dua peperiksaan ini?

Jika ibu bapa benar-benar ingin memantau perkembangan pembelajaran anak-anak, PBS dan PBD merupakan pendekatan yang lebih baik kerana ianya dilaksanakan secara berterusan. Negara China, Korea, Jepun serta beberapa negara membangun yang lain termasuk Malaysia sendiri telah melihat kesan

sistem berpusatkan peperiksaan ini dan kini berusaha untuk melatih guru dalam membantu proses penerapan amalan pentaksiran formatif ke arah pentaksiran dan penilaian untuk pembelajaran (*assessment for learning*) serta mengintegrasikan bersama pentaksiran sumatif (*assessment of learning*) dan penilaian sebagai pembelajaran (*assessment as learning*). Usaha ini mendapat kerjasama dari organisasi Kesatuan Sekerja Antarabangsa Education International berpusat di Belgium melalui Projek T3LFA (*Teacher Led Learning Circles on Formative Assessment*) dan Latihan dan Pelaksanaan Pentaksiran Formatif.

Perubahan yang ingin dibawa ini memerlukan anjakan minda, perubahan amalan serta keperluan untuk keluar dari budaya pentaksiran berpusatkan peperiksaan dan ini merupakan cabaran utama yang memerlukan masa juga keterbukaan minda dalam penerimaan perubahan.

PENULIS merupakan Profesor Madya di Jabatan Pendidikan Bahasa dan Literasi, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya dan Koordinator Penyelidikan (Malaysia), Projek Penilaian Latihan dan Pelaksanaan Pentaksiran Formatif, Education International & NUTP. Beliau boleh dihubungi di zuwati_hasim@um.edu.my.

FIRST EDITION OF ASIAN TOURISM & HOSPITALITY AWARDS 2022-23



Nominate your brand today !

WWW.ATHAWARDS.COM

Organised by



TRAVEL
INDUSTRY
NETWORK
MEDIA

Co-organised by



Strategic Media Partner

Wilayah Ku

Perhatian khusus atasi isu kenaikan harga barang

DR ANUAR SHAH BALI MAHOMED

KENAIKAN harga tarif elektrik bagi pengguna bukan domestik serta bukan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berkuat kuasa pada 23 Januari ini sedikit sebanyak memberikan kesan kepada pelbagai pihak. Pengguna bervoltan sederhana (MV) dan tinggi (HV) dalam kalangan industri, termasuk perbadanan multinasional (MNC) akan dikenakan surc妖 20 sen/kWj.

Pada masa sama, kerajaan masih menampung subsidi RM1.93 bilion agar peningkatan surc妖 ini tidak dilepaskan keseluruhannya secara mendadak. Persoalan timbul, adakah industri akan menyerap tambahan surc妖 tarif elektrik atau mengalihkan kos tambahan berkenaan dengan menaikkan harga barang dikeluarkan?

Ketika ini, rakyat secara keseluruhannya merasai kenaikan harga barang secara mendadak disebabkan pelbagai faktor, antaranya kesan berterusan peperangan Ukraine dan Rusia yang tidak menunjukkan tanda akan berakhir pada masa terdekat.

Isu perubahan iklim turut menjasikan pengeluaran makanan. Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mendapati harga makanan mencecah paras tertinggi tahun lalu berikutan tercetus perang di Ukraine dan kemarau dikaitkan dengan perubahan iklim.

Harga dunia bagi komoditi seperti bijirin dan minyak sayuran adalah tertinggi direkodkan. Indeks Harga Makanan oleh FAO yang melihat perubahan bulanan dalam harga antarabangsa bagi bahan makanan umum menunjukkan harga makanan adalah lebih 14 peratus melebihi purata pada 2021.



Di United Kingdom (UK) pula, inflasi makanan melonjak ke paras tertinggi pada Disember tahun lalu dengan British Retail Consortium menyatakan inflasi makanan meningkat kepada 13.3 peratus pada Disember daripada 12.4 peratus pada bulan sebelumnya, mencapai paras tertinggi sepanjang masa untuk indeks yang diperkenalkan pada 2005 itu. Perkara sama juga berlaku di negara lain, termasuk Malaysia dengan kenaikan mendadak harga barang.

Banyak faktor yang berlaku secara serentak menyebabkan apa yang terjadi ketika ini termasuk permintaan jauh lebih tinggi berbanding penawaran, kebergantungan kepada barang import dan kesan penularan COVID-19 yang masih meninggalkan kesan besar kepada negara serta rakyat.

Dengan kemungkinan berlaku kenaikan mendadak harga minyak, bahan api dan sumber tenaga juga berpotensi untuk memberikan kesan kepada kenaikan harga barang akan melambung lebih tinggi.

Bukan sahaja harga barang makanan dalam negara naik, bahkan turut membabitkan kenaikan harga barang lain seperti alat ganti kenderaan termasuk bateri, tayar dan minyak enjin.

Perkara ini tentu memberikan tekanan kepada industri automotif secara keseluruhannya untuk mengekalkan harga kenderaan bagi tahun ini.

Perkara sama juga terjadi kepada bahan binaan dengan kenaikan harga bahan mentah berkaitan pembinaan akhirnya berpotensi untuk mendorong kenaikan harga rumah. Dengan berlaku kenaikan secara berterusan harga bahan mentah binaan, tidak sukar untuk kita jangkakan akan berlaku kenaikan harga rumah ketara pada tahun ini.

Bahkan dengan kenaikan konsisten 10 hingga 20 peratus setiap tahun untuk bahan mentah binaan, maka terdapat kemungkinan pemaju perumahan berhadapan tekanan dan cabaran untuk bertahan bagi menyiapkan rumah dijual, terutama membabitkan tempoh pembinaan

panjang iaitu mengambil masa empat hingga lima tahun untuk siap.

Kenaikan harga barang ini bukan isu terpencil, bahkan boleh menjadi bom jangka. Isu berkaitan kenaikan harga daripada harga makanan ternakan seperti dinyatakan Affin Hwang Investment Bank umpamanya harga soya dan jagung masing-masing meningkat 16.2 peratus serta 34.8 peratus dari awal tahun hingga 30 Disember lalu. Malah, kenaikan harga ayam, telur, ikan laut, ikan air tawar, sayur-sayuran serta barang makanan lain amat meresahkan dan membimbangkan rakyat secara keseluruhannya.

Bagaimana 2023 akan menjadi lebih baik apabila rakyat memperoleh pendapatan hampir sama tetapi perlu membeli barang keperluan harian naik secara mendadak? Ini tidak termasuk peningkatan bayaran bulanan pinjaman disebabkan kenaikan Kadar Dasar Semalam (OPR) secara berterusan.

Logiknya, sudah pasti akan ada bayaran atau perbelanjaan akan ditangguh disebabkan

“ Pada masa sama, kerajaan masih menampung subsidi RM1.93 bilion agar peningkatan surc妖 ini tidak dilepaskan keseluruhannya secara mendadak. Persoalan timbul, adakah industri akan menyerap tambahan surc妖 tarif elektrik atau mengalihkan kos tambahan berkenaan dengan menaikkan harga barang dikeluarkan? ”

tekanan berlaku daripada pelbagai penjuru. Keadaan ini juga tentu sekali menyukarkan rakyat untuk menabung dan membuat simpanan, selain berkemungkinan menggunakan simpanan sedia ada untuk menampung keperluan bayaran pinjaman atau perbelanjaan bulanan untuk membeli barang keperluan harian.

Oleh itu, Bajet 2023 perlu digunakan semua Ahli Parlimen tidak kira daripada kerajaan mahupun pembangkang untuk mempersiapkan negara dalam berhadapan dengan tahun amat mencabar.

Antara perkara yang perlu diberikan perhatian adalah mengawal kadar inflasi mengawal kenaikan harga barang terutama barang keperluan asas menawarkan pelbagai inisiatif akibat peningkatan kos sara hidup dihadapi rakyat terutama golongan rentan serta merangsang pertumbuhan perniagaan.

PENULIS adalah Profesor Madya Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM).

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

Wilayah Ku MEDIA WARGA KOTA

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]

FULL PAGE	HALF PAGE	QUARTER PAGE	PANEL PAGE [INNER]
26cm X 33cm RM7,500	26cm X 17cm RM5,500	12cm X 17cm RM4,500	26cm X 6cm RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

Wilayah Ku	FRONT BANNER 1080px X 96px RM2,500
IKUT JAMBI DI MEDIA SOSIAL	MIDDLE BANNER 1080px X 280px RM2,000
PRODUK	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px RM1,500
JOM MASUK!	HALF PAGE 350px X 600px RM1,000

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

016-658 6278 (ROSLEE HANAFI)
Operasi & Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:
YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,
Presint 2, 62100 Putrajaya

AWC 2023 Labuan berjaya rekodkan lebih 20 spesies burung hijrah



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

LEBIH 20 spesies burung air berjaya direkodkan di Labuan dalam Program Asian Waterbird Census 2023 (AWC 2023) yang diselaraskan oleh Labuan Avian Group bersama Malaysian Nature Society (Cawangan Sabah), baru-baru ini.

Pemantauan yang dibuat di pantai Kg Nagalang dan pantai Kg Sg Labu melibatkan seramai tujuh orang sukarelawan terdiri daripada peminat birdwatching di Wilayah Persekutuan Labuan.

Menurut penyelaras program yang juga pengasas Labuan Avian Group, **Noralip Hassanuddin**, program yang dilaksanakan itu merupakan kegiatan tahunan yang bersifat sukarela, diadakan pada minggu ke-2 dan ke-3 dalam bulan Januari setiap tahun.

Di samping memantau dan mengumpul data populasi burung



BURUNG 'whimbrel' yang berjaya direkodkan oleh sukarelawan di pantai Nagalang Labuan.



SPECIES burung 'common tren' pertama kali direkodkan di pantai Sg Labu Labuan.

air di seluruh negara Asia, kegiatan ini juga bertujuan untuk menarik minat masyarakat setempat mengetahui tentang habitat burung air yang agak unik dan menarik.

"Kali terakhir Labuan Avian Group menyertai AWC adalah pada tahun 2018, terhenti akibat pandemik COVID-19. Pada pertengahan tahun 2021 Labuan Avian Group kembali aktif

dalam merekod dan merakamkan gambar spesies burung di sekitar Pulau Labuan," katanya kepada *Wilayahku*, baru-baru ini.

Sementara itu, Erwin Usdek merupakan salah seorang sukarelawan yang menyertai Program AWC 2023 merasa teruja apabila beliau berjaya merekodkan kehadiran spesies *common tren* buat pertama kali di Pulau Labuan.

"Antara spesies burung air yang direkodkan adalah *common tren*, *common sandpiper*, *Malaysia plover*, *kentish plover*, *greater sandplover*, *ruddy turnstone*, *sanderling*, dan beberapa spesies lain," katanya.

Seorang lagi sukarelawan yang ditemui, Damaisara Pimpilemba berkata kehadiran burung hijrah dari negara-negara Asia ke Pulau

Labuan pada bulan September hingga April setiap tahun membolehkan Wilayah Persekutuan Labuan berpontensi untuk menjadi salah satu destinasi *Bird Tourism* di samping Sabah, Sarawak dan Negara Brunei Darussalam.

Antara sukarelawan yang terlibat adalah Ruslan Alias; Ramlen Salleh; Asraf Sarmi dan Matthew Albanus. **WK**

PL anjur pelbagai program kebajikan rakyat

SEMPENA Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP), Perbadanan Labuan (PL) akan menganjurkan pelbagai program bagi membantu masyarakat khususnya golongan B40 di pulau itu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Rithuan Mohd Ismail** berkata pelaksanaan program itu adalah selaras dengan tema SHWP tahun ini iaitu 'Kesejahteraan dan Kebajikan Warga Wilayah Persekutuan Diutamakan'.

Katanya sejajar dengan mandat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim agar mengurangkan acara-acara meriah dan megah serta mengelakkan pembaziran, maka SHWP kali ini telah disusun semula.

Pelaksanaan program ke sejariah teraan dan kebajikan warga Wilayah Persekutuan (WP) adalah selaras dengan isu kos sara hidup yang meningkat dan cabaran ekonomi masa kini.

"Fokus ini menjurus kepada pelaksanaan program penyampaian bantuan dan perkhidmatan yang berterusan kepada golongan berpendapatan rendah

dah B40 dan asnaf di Wilayah Persekutuan," katanya ketika menyampaikan ucapan perasmian Majlis Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Labuan di perkarian Medan Selera di dinanti-nantikan rakyat.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Datuk Othman Che Jusoh dan beberapa pengarah dan ketua-ketua jabatan kerajaan.

Rithuan berkata antara program yang akan dilaksanakan adalah menyediakan inisiatif kepada penjaja dengan menyediakan tapak bermiaga di kawasan pantai Taman Damai Layang-layangan dan kawasan Kompleks Sukan

Laut Antarabangsa Labuan sepanjang bulan Februari.

Selain itu, beliau turut memaklumkan pihaknya turut menganjurkan Program *Valuable Goodies* juga merupakan antara program yang menarik dan dinanti-nantikan rakyat.

"PL akan menawarkan diskaun pengurangan bayaran kompaun dan pengurangan kadar bayaran fasiliti milik Perbadanan Labuan sepanjang bulan Februari 2023.

"Dengan anjuran program ini, kita berharap dapat memberikan manfaat dalam membantu mengurangkan bebanan rakyat di samping menggalakkan warga untuk melunaskan tunggakan bayaran kompaun," katanya.

WK



RITHUAN (atas, sembilan dari kiri) mengibarkan bendera WP bersama kakitangan PL pada Majlis Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Sempena SHWP 2023 di Medan Selera, baru-baru ini.



Tourism Malaysia fokus produk Labuan dalam pasaran domestik

LEMBAGA Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia) Sabah akan memfokuskan pelbagai produk pelancongan tempatan di Pulau Bebas Cukai ini bagi diketengahkan serta dipasarkan kepada pelancong domestik.

Pengaruhnya, **Ednie Rahma Ab Rahim** berkata Labuan mempunyai pelbagai produk pelancongan yang menarik dan berpotensi untuk diketengahkan ke pasaran dan ia juga mampu menjadi satu daya tarikan kepada pelancong luar untuk datang ke pulau itu.

"Sebelum ini kita telah memfokuskan pembuatan kraf tangan iaitu pembuatan gasing dan pada hujung tahun lalu, kita telah membawa beberapa media datang ke Labuan untuk menguji cekap pembuatan gasing dan makanan tradisi masyarakat di sini iaitu Ambuyat."

"Kita akan ketengahkan produk-produk lain yang ada di Labuan dan Jabatan Kraftangan Negeri Sabah juga sedang mengenal pasti produk-produk kraf tangan Labuan yang boleh diketengahkan," katanya kepada pemberita pada Majlis Ramah Mesra Bersama Media Tempatan di sini, baru-baru ini.

Ednie berkata, pada tahun ini pihaknya telah membuat perancangan khas bagi merancakkan kembali sektor pelancongan di Sabah dan Labuan.

"Walaupun industri pelancongan ketika ini agak perlakuan namun ia sedang berkembang secara progresif dan masih bergerak aktif namun ada beberapa kekangan yang perlu diatasi oleh semua pihak terutamanya Pihak Berkusa Tempatan dan syarikat penerbangan," katanya. **WK**

PERADUAN MEWARNA PM199



NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKID:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM199".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah **28 JANUARI 2023**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akbar Wilayahku Bilangan 201.

3 PENYERTAAN TERBAIK PADA SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA WILAYAHKU

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM197:


MUHAMMAD IZZ EESAA MUZAMMIL
(7 tahun)
Presint 5, Putrajaya

IRFAN FIQRI ABDUL GHANI
(10 tahun)
Dato Keramat, Kuala Lumpur

NUR UMAIRA 'AISHA MOHD ROZLIN
(9 tahun)
Taman Sri Gombak, Selangor



TEKA SILANG KATA SK199

**MELINTANG**

1. Pembuat dasar negara
5. Cahaya
6. Tersalah amal ilmu
7. Dipakai di dada
9. Mekar terbuka

KE BAWAH

1. Perselisihan
2. Cepat naik darah
3. Sudah tentu
4. Rebah
8. Universiti Malaya

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK199".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **28 JANUARI 2023**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akbar Wilayahku Bilangan 201.

3 PENYERTAAN TEPAT & TERAWAL PADA SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA WILAYAHKU



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada: wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 197

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Santai 197:

MUHAMMAD IZZ EESAA MUZAMMIL
(7 tahun)
Presint 5, Putrajaya

IRFAN FIQRI ABDUL GHANI
(10 tahun)
Dato Keramat, Kuala Lumpur

NUR UMAIRA 'AISHA MOHD ROZLIN
(9 tahun)
Taman Sri Gombak, Selangor

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK197:

ZUHASNIZA MOHD ROZALI
(37 tahun)
Taman Intan Baiduri, Kuala Lumpur

BADRUL HISYAM MOKHTAR
(41 tahun)
Meru, Selangor

AZREEN NADYA AHMAD BAKRI
(33 tahun)
Jalan Cheras, Kuala Lumpur





Dinasour dan gorila jadi tarikan Desaland Labuan



KHAIRUL IDIN

TERLETAK di Jalan Sungai Pagar, Kampung Sungai Miri, Labuan, Desa Tunas Hijau atau dikenali juga sebagai Desaland merupakan salah satu lokasi pelancongan menarik di Pulau Bebas Cukai ini.

Berluasan 2.8 hektar, lokasi di barat daya Labuan ini menawarkan aktiviti menyeronokkan selain penginapan yang diwarnai persekitaran flora dan fauna yang pasti memberi kepuasan kepada pengunjung.

Persekitaran yang mendamaikan tambah menyeronokkan apabila ia dilengkapi penginapan yang cukup selesa seperti *chalet* yang mempunyai dua variasi (studio dan *double room*), rumah pokok dan kawasan perkhemahan.

Selain itu, bagi yang ingin mencuba aktiviti lasak, pelbagai pilihan disediakan antaranya menunggang kenderaan lasak pelbagai bentuk permukaan bumi (ATV), kayak, bot berpedal, *train & dinosaur* serta trampolin.

Kunjungan Wilayahku baru-baru ini mendapat aktiviti *train & dinosaur* mendapat sambutan yang sangat mengalakkkan terutama



dalam kalangan kanak-kanak. Mereka kelihatan gembira apabila dibawa mengelilingi kawasan Desaland sebanyak tiga kali.

Tambah teruja apabila dalam perjalanan, mereka dapat menyaksikan aksi dua ekor dinosaurus dan gorila yang datang menghampiri kenderaan sekali gus membolehkan mereka merakam

kenangan.

Menurut pengasasnya, **Datuk Alias Abd Rahman**, pada tahun 2016, beliau dan isteri membeli tanah di kawasan tersebut untuk membangunkan kawasan perumahan namun disebabkan beberapa faktor mereka mula mendapat idea untuk mewujudkan kawasan pelancongan.

"Kami membangunkan lokasi ini secara berperingkat bermula 2017, beberapa bentuk penginapan didirikan dilengkapi tandas selain kemudahan asas seperti dapur, pendingin hawa dan sebagainya.

"Penginapan rumah pokok misalnya pasti memberikan suasana dan pengalaman baru kepada pengunjung yang menginap. Bagi mereka yang menginginkan suasana lebih mencabar, mungkin boleh

cuba berkhemah di kawasan yang disediakan," ujar beliau.

Jelas beliau, pihaknya tidak mengenakan sebarang bayaran masuk kepada pengunjung dan hanya mengenakan bayaran jika mereka mahu bermain aktiviti yang terdapat di kawasan tersebut.

"Walau bagaimanapun kadar bayaran untuk setiap aktiviti juga agak berpatutan antaranya ATV serendah RM60 (30 minit) selain RM15 bagi aktiviti berkayak dan bot berpedal (15 minit)," ujarnya bayaran tiket sebanyak RM15 (kanak-kanak) dan RM25 (dewasa) dikenakan bagi pengunjung yang ingin menaiki *train & dinosaur*.

"Kami tidak mengenakan sebarang bayaran awal kerana kami mahu Desaland menjadi kawasan yang bebas dikunjungi oleh semua masyarakat tempatan dan luar," ujar beliau menjelaskan setiap hujung minggu pelbagai gerai jualan makanan dan minuman turut disediakan.

TAMAN TEMA AIR BAKAL DIBUKA

BERKONGSI perancangan masa hadapan Desaland, Alias memaklumkan pihaknya dalam proses menyiapkan taman tema air yang dijangka bakal menarik perhatian pengunjung dari dalam dan luar Labuan.

"Setakat hari ini, proses pembinaan telah pun separuh siap dan saya jangkakan sebelum menjelang bulan Ramadan pada tahun ini ia akan siap sepenuhnya dan dibuka kepada umum," ujar beliau lagi.

Tambah beliau, apabila siap kelak, ia merupakan satu-satunya taman tema yang terdapat di Labuan buat masa ini.

"Saya harap ia dapat memberi manfaat khusus kepada masyarakat setempat yang ingin membawa anak-anak mereka ke taman tema air yang mana jika sebelumnya, mereka terpaksa ke Sabah," ujar beliau. **W.K**



PENGASAS Desaland Labuan, Alias (kiri) bersama isterinya.

INFO DESALAND

- Waktu operasi: **9 pagi hingga 5 petang (setiap hari)**
- Alamat: **Desa Tunas Hijau, Jalan Sungai Pagar, Wilayah Persekutuan Labuan.**
- Media sosial: **DESA TUNAS HIJAU (Facebook)**
- Laman web: **desaland.com.my**
- Hubungi: **013- 268 9218**



AINI MAWAWI

DALAM usaha membantu suri rumah menjana pendapatan, Bahagian Perkhidmatan Komuniti & Sukan, Jabatan Perkhidmatan Bandar, Perbadanan Putrajaya (PPj) bakal menganjurkan Bengkel Suri Putrajaya 2023 Siri 1: Kelas Jahitan pada 25 dan 26 Februari ini.

Menurut guru jahitan, **Zunaini Ismail**, penyertaan peserta mendapat sambutan daripada menggalakkan yang mana rata-ratanya terdiri daripada suri rumah, ibu tunggal dan tidak terkecuali juga golongan remaja.

"Kita sangat mengalu-alukan penyertaan terutamanya daripada mereka yang tidak bekerja sekurang-

Bengkel Suri Putrajaya 2023, bantu jana pendapatan

kurangnya ia akan membantu peserta meraih pendapatan lebih-lebih lagi di saat ekonomi yang tidak menentu ini," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Bercerita lanjut tentang bengkel jahitan, Zunaini berkata dua modul yang akan diajar kali ini adalah *tunic muslimah* dan *palazzo* yang merupakan antara modul paling mendapat permintaan ramai.

"Kita sendiri tahu ketika ini *tunic* dan *palazzo* merupakan fesyen yang mendapat perhatian selain ia lebih

selesa dan mudah digayakan di mana-mana sahaja. Jadi, modul kita berdasarkan apa yang pelanggan mahukan," ujarnya.

Kongsinya lagi, kebanyakan peserta yang pernah mengikuti bengkel jahitan pada siri sebelum ini telah pun berjaya bergelar tukang jahit dan ada yang telah membuka kedai jahitan sendiri.

"Fokus kita adalah untuk membantu mereka. Jadi apabila dapat lihat peserta sebelum ini

berjaya, saya tumpang gembira kerana kesungguhan tersebut akhirnya membawa hasil sekali gus mereka dapat membantu keluarga," ujarnya lagi.

Zunaini yang juga pemilik Pusat Jahitan Seni Reka Cemerlang berharap agar setiap peserta meletakkan matlamat yang jelas untuk mengikuti bengkel jahitan yang bakal berlangsung di Bilik Serbaguna,

Kompleks Kejiranan Presint 9, Putrajaya.

"Diharapkan setelah mengikuti bengkel ini, mereka ada keyakinan untuk mengambil tempahan pelanggan. Mungkin boleh bermula daripada kaum keluarga terlebih dahulu. Dari situ secara tidak langsung akan menimbulkan keberanian," ujarnya. **W.K**



EKOPELANCONGAN. Dengan jolokan 'Mother of All Gardens', Taman Botani Putrajaya di Presint 1 adalah salah satu dari 12 destinasi Taman-Taman Awam yang mempesona di pusat pentadbiran Putrajaya.

Reka bentuk landskap taman seluas 230 ekar ini mempunyai 13 buah taman tema yang memperkenalkan lebih daripada 750 spesies tumbuhan dari benua yang berbeza di dunia. Ia berfungsi sebagai kawasan perlindungan dan pusat pembelajaran serta kajian bagi khazanah negara

Malaysia.

Taman Botani juga tersenarai di antara 40 taman yang indah dan mempesonakan di Asia oleh Buku Paradise Found: Journeys Through Noble Gardens of Asia.

Selain itu, ia telah dinobatkan sebagai Taman Paling Menakjubkan di Asia oleh Yayasan Chelsea Diraja, London di Pameran Bunga Perdana Premier Dunia Chelsea pada 2008. **W.K**

Sumber: Facebook Perbadanan Putrajaya (PPj).

DORSETT PUTRAJAYA

TRIO OF YEE SANG
9th Jan - 5th Feb 2023
Dine-in or takeaway
Self collect or chargeable delivery

Citra Rasa

Usher in the Year of the Rabbit with the toss of prosperity featuring a unique combination of salmon, tuna and butter fish.

Available daily from 12 noon to 8 pm.

RM88 nett (Medium portion)

For reservation,
call +60 3 8892 8388 / +60 16 668 0265
or email to fnb.putrajaya@dorsetthotels.com

SCAN | ORDER | PAY

DORSETT

Izham idam beraksi di Piala Dunia, Olimpik

11 tahun bersama sukan hoki

SABRINA SABRE

MEMASANG impian untuk beraksi di pentas Piala Dunia dan Olimpik suatu hari nanti, atlet hoki negara, Muhamad Izham Azhar, komited berusaha ke arah tersebut untuk mencipta kemenangan sekali gus mengharumkan nama negara.

Menurut atlet berusia 24 tahun ini, meskipun terdapat banyak cabaran dan persaingan, namun tidak salah sekiranya para atlet bersaing secara sihat dan menjadikannya sebagai salah satu kayu pengukur kejayaan diri sendiri.

"Sebagai atlet hoki, saya bangga dengan pencapaian sukan ini di negara kita yang mana Malaysia menutup kalendar sukan hoki tahun 2021 lalu dengan pencapaian sebagai 10 pasukan terbaik dunia selepas menduduki tangga ke-10 dalam carta kedudukan Persekutuan Hoki



Antarabangsa (FIH).

"Saya rasa tidak mustahil Malaysia muncul antara tiga terbaik di peringkat dunia pula suatu hari nanti. Besar harapan saya untuk menjadi salah seorang pemain yang dapat menyumbang dan mengharumkan nama Malaysia di persada dunia," ujarnya kepada Wilayahku.

Tidak muahu mensia-siakan peluang dan masa yang ada, atlet ini nekad mempamerkan aksi terbaik dalam Liga Hoki Malaysia 2023 yang dijadual berlangsung bermula 9 Februari ini.

"Saya percaya latihan yang konsisten perlu bagi memperhalusi mutu dan tahap permainan seseorang. Pelbagai persiapan telah dilakukan. Saya akan buat yang terbaik, insya-Allah," ujarnya.

Menyingkap permulaannya dalam sukan tersebut, Muhamad Izham berkata dia mula mencebur sukan



AKSI Muhamad Izham (kiri) ketika Kejohanan Piala Asia Hoki 2022 di Thailand.

hoki ketika berusia 12 tahun selain menjadikan pemain hoki dari India, Sardar Singh sebagai idolanya.

Bagi pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi di Universiti Putra Malaysia (UPM) ini, untuk

berjaya, dia perlu bekerja keras selain memberi komitmen yang sangat tinggi sama seperti yang dilakukan idolanya itu.

"Meskipun saya perlu mengambil masa bertahun-tahun

Pencapaian Muhamad Izham

2022 – Piala Asia Hoki – Emas

2022 – Sukan Malaysia (SUKMA) – Emas

2022 – Liga Hoki Malaysia – Tempat ketiga

2019 – Piala Asia Hoki – Tempat ketiga

untuk melayakkan diri sehingga ke peringkat Piala Dunia dan Olimpik namun ia amat berbaloi memandangkan ia merupakan cita-cita setiap atlet.

"Insya-Allah saya akan menempatkan diri di peringkat yang lebih tinggi sebelum berusia 27 tahun. Diharap apa yang diinginkan tercapai dalam tempoh tersebut," ujar anak bongsu daripada dua orang adik-beradik ini. **W.K**

Hafizh Syahrin, Adam Norrodin 'rindu' berlumba di Litar Sepang

MALAYSIA boleh berbangga apabila masih mempunyai dua wakil dalam saingan Kejuaraan Superbike Dunia (WSBK), walaupun Malaysia tidak berada dalam kalendar perlumbaan selepas kali terakhir menganjurkannya pada 2016.

Mengakui rindu untuk berlumba di hadapan penyokong sendiri, dua pelumba negara, **Hafizh Syahrin Abdullah** dan Muhamad Adam Norrodin, masing-masing mengharapkan ada pihak yang sudi untuk membawa semula perlumbaan itu ke negara ini.

Hafizh Syahrin yang mewakili MIE Racing Honda Team dalam kelas premier bagi musim 2023 berkata perkara positif yang paling dinantikan beliau ialah, perlumbaan WSBK kembali dianjurkan di Litar Antarabangsa Sepang.

"Sudah tentu sebagai pelumba Malaysia kita nak ada *home race* tapi saya tidak pasti kita akan ada atau pun tidak. Saya tak pasti siapa yang berhak untuk bawa



HAFIZH SYAHRIN

kejohanan ini di Malaysia tapi kenapa tidak?

"Ini perkara positif, *home race* di Sepang akan jadi menarik dan menggembirakan, satu perkara positif saya harapkan ialah kita ada *home race*," katanya pada sidang media Majlis Menandatangani Perjanjian bersama RCB (Racing Boy).

Pada masa sama, Muhamad Adam yang berlumba dalam kelas

600cc bersama MIE Racing Honda Team musim ini berpendapat, kejohanan itu akan menerima sambutan menggalakkan sekiranya dianjurkan semula di Sepang.

"Sudah tentu saya harapkan ia balik ke Sepang kerana rasa bagus dari segi pemasaran dan untuk kami pelumba negara serta peminat selepas lama tidak dianjurkan."

"Saya sudah banyak berlumba di Sepang di hadapan penyokong sendiri, ia akan jadi satu motivasi tambahan buat saya jika WSBK kembali ke Malaysia, kita tunggu dan

lihat," kata pelumba berusia 24 tahun itu.

Pusingan pembukaan saingan WSBK 2023 akan berlangsung di Litar Phillip Island di Australia pada 24 hingga 26 Februari depan.

Terdahulu, Hafizh Syahrin dan Muhamad Adam masing-masing menandatangani perjanjian penajaan selama setahun bersama RCB, yang menyaksikan kedua-dua pelumba itu menjadi duta jenama tersebut dan akan terlibat dalam program penyelidikan dan pembangunan yang bakal dijalankan. - BERNAMA



PERLUMBAAN WSBK diharap kembali dianjurkan di Litar Antarabangsa Sepang.





STR bukti kerajaan memahami kesusahan rakyat

USAHA kerajaan untuk menangani peningkatan kos sara hidup menerusi Sumbangan Tunai Rahmah (STR) membuktikan keprihatinan Kerajaan Perpaduan terhadap kebaikan rakyat khususnya golongan B40.

Dekan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM), **Profesor Dr Mohamad Fazli Sabri** berkata sumbangan itu dilihat dapat memulihkan kuasa beli rakyat terutama apabila negara masih dalam fasa pemulihan ekonomi pasca COVID-19.

"Kalau kita tengok 'rahmah' ini datangnya daripada perkataan 'rahima' yang membawa maksud rasa belas dan kasih sayang ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan benar-benar mem-

hami penderitaan yang ditanggung rakyat berikutan situasi pandemik yang melanda negara sebelum ini dan peningkatan kos sara hidup," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim Selasa lalu mengumumkan pembayaran STR Fasa 1 kepada 8.7 juta golongan B40 bernilai RM1.67 bilion yang akan dikreditkan ke akaun bank penerima berdaftar secara berperingkat bermula Selasa lalu.

Pembayaran STR berkenaan dibuat mengikut kategori penerima dengan empat juta isi rumah masing-masing menerima RM300 manakala 1.2 juta warga emas yang tiada pasangan dan 3.5 juta penerima bujang masing-masing me-

nerima RM100.

STR adalah salah satu inisiatif di bawah konsep Payung Rahmah diketengahkan Anwar yang turut melibatkan kerjasama tiga kementerian iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta Kementerian Ekonomi.

Bagi seorang penerima STR, Danish Farhan Sharifuddin, 21, sumbangan itu memberi kelegaan kepada dia untuk membeli barang keperluan harian.

"Kalau boleh kerajaan sekarang kena tengok kepada keperluan golongan yang mereka nak beri bantuan, contohnya kalau pelajar bagi amanah yang bersesuaian dengan mengambil kira beban perbelanjaan mereka," katanya.

- BERNAMA



MOHAMAD FAZLI

Budayakan lapor aktiviti rasuah - SPRM

AZLAN ZAMBRY

WARGA Kuala Lumpur perlu menjadikan budaya melaporkan kesalahan rasuah kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sekiranya mengetahui atau mengesyaki terdapat aktiviti tersebut di persekitaran mereka.

Pengarah SPRM Kuala Lumpur, **Razaliah Ab Rahman** berkata ianya perlu dijadikan budaya supaya aktiviti rasuah dapat dibanteras sehingga ke akar umbi sekali gus mempermudahkan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan.

"Setakat ini warga kota menyambut baik usaha SPRM dalam kempen-kempen pencegahan rasuah dalam kalangan masyarakat.

"Cumanya yang jadi masalah sedikit adalah mengenai pelaporan kepada SPRM dan mungkin khawatir terhadap keselamatan sedangkan maklumat mereka dilindungi," katanya kepada *Wilayahku* selepas Program KL Free Corruption Territory di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada Ahad.

Hadir sama, Ahli Parlimen Wangsa Maju, Zahir Hassan dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

Menurut Razaliah, kes rasuah di Kuala Lumpur telah mencatatkan penurunan apabila banyak organisasi termasuk kerajaan dan swasta diwujudkan Unit Integriti yang dilihat sebagai komitmen kepada usaha pencegahan rasuah.



RAZALIAH (tengah) bersama Zahir (kiri) dan Mahadi (dua dari kanan) sebelum sesi 'flag off' larian sempena Program KL Free Corruption Territory pada Ahad.

"Kita dapat lihat ada organisasi mewujudkan Indeks Bebas Rasuah (IBR) dan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) yang merupakan komitmen jitu serta senada dengan SPRM.

"Cuma kita berharap agar ia tanggungjawab bersama dan tidak meletakkan usaha ini kepada SPRM semata-mata kerana maklumat mengenai aktiviti tersebut juga boleh disalurkan terus kepada SPRM,"

ujarnya.

Dalam pada itu, Razaliah berkata Program KL Free Corruption Territory bertujuan menjadikan bandar raya Kuala Lumpur sebagai sebuah wilayah yang bebas rasuah.

"Kita cuba wujudkan persekitaran bebas rasuah dan menghebahkan kepada semua warga Kuala Lumpur bahawa nilai *free corruption* atau bebas rasuah sangat diperlukan," katanya. WK

Sukar hasilkan *Imaginur* kerana pandemik, kewangan

PENGARAH dan penerbit filem popular, **Nik Amir Mustapha** mengakui menghadapi pelbagai cabaran untuk menghasilkan filem terbaharunya yang berjudul *Imaginur* yang bakal ditayangkan pada 23 Februari ini.

Ujarnya, selain faktor pandemik yang membuatkan penggambaran tergendala, faktor kewangan juga cukup memberikan cabaran.

"Akibat pandemik COVID-19 dulu, saya antara pembikin filem yang terjejas kerana banyak yang sudah dirancang tidak dapat dipenuhi.

"Sebagai syarikat kerdil, cabaran terbesar memang dari segi kewangan dan Lumatic Films mengambil masa yang lam untuk mengumpul dana yang cukup dan akhirnya dengan bantuan pihak FINAS juga, maka kami berjaya menyiapkan *Imaginur*," ujarnya yang percaya kepada hikmah di sebalik pandemik.

Mengangkat sebuah kisah percintaan yang mengetengahkan elemen romantik *science fiction* pastinya ia merupakan sebuah naskah yang cukup unik.

Nik Amir berkata *Imaginur* sebuah filem bertemakan cinta, tetapi disulam dengan elemen hipnosis untuk menjadikan jalan ceritanya lebih menarik.

"*Imaginur* sebuah cinta yang mengisahkan tentang seorang lelaki yang mimpi seorang gadis, kemudian setelah melalui proses hipnosis tiba-tiba dapat berjumpa di alam realiti," ujarnya.

Merupakan filem ketiga dihasilkan selepas *KIL* dan *Terbaik Dari Langit*, Nik Amir memberitahu bahawa idea untuk menghasilkan *Imaginur* timbul memandangkan dia begitu minat dengan minda manusia yang kompleks.

"Saya berganding dengan Redza Minhat untuk menulis sebuah filem bertema cinta, hipnosis dan kehidupan. Setelah lama tak buat filem, saya rasa nak buat comeback dengan idea original saya dulu maka terhasillah *Imaginur*," jelasnya.

Filem *Imaginur* terbitan Lumatic Films, *Imaginur* ini menggandingkan dua orang pelakon hebat iaitu Beto Kusyairy dan Diana Danielle selaku teraju utama. WK

